



پلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.43 SUBUH 4.53 SYURUK 6.10 DUHA 6.33 ZUHUR 12.15 ASAR 3.20 MAGHRIB 6.18 ISYAK 7.27 Daerah Belait ditambah 3 minit

TAHUN 69 BILANGAN 113

18 SEPTEMBER 2024 / 1446 ١٤

MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH wahai Muhammad : Wahai sekalian manusia sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, diutus oleh Allah yang menguasai langit dan bumi. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia. Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya, nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".
- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al A'raf, ayat 158.

JABATAN PENERANGAN

Daerah Tutong ditambah 1 minit

EDISI RABU PERCUMA

KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT KE NEW YORK CITY, AS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Perdebatan Umum Sesi Ke-39 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 21 September 1984 di New York, Amerika Syarikat (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Perdebatan Umum Sesi Ke-69 Perhimpunan Agung PBB pada 25 September 2014.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke New York City, Amerika Syarikat (AS) pada 21 hingga 24 September 2024 bagi menghadiri Summit of the Future dan Perdebatan Umum Sesi Ke-79 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dengan bertemakan 'Summit of the

Future : Multilateral Solutions for a Better Tomorrow', Sidang Kemuncak tersebut akan menghimpunkan para pemimpin dunia untuk meningkatkan kerjasama dalam menangani cabaran-cabaran global semasa dan yang mendatang serta menyediakan peluang dalam membina semula kepercayaan bagi kerjasama antarabangsa ke arah membentuk masa depan yang lebih baik untuk semua.

Semasa di New York City, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Majlis Resepsi sempena memperingati Ulang Tahun Ke-40 keahlian Negara Brunei

Darussalam (NBD) dalam PBB.

NBD menyertai PBB sebagai negara ahli yang Ke-159 semasa Sesi Ke-39 Perhimpunan Agung PBB pada 21 September 1984. Keahlian NBD dalam PBB telah dapat menyediakan peluang sebagai sebuah negara kecil yang memainkan peranan di arena antarabangsa.

Melalui penglibatan aktif semasa mesyuarat-mesyuarat PBB, sumbang-sumbangan mandatori dan sukarela serta penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam misi-misi pengamanan PBB, NBD juga turut menyumbang kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa serta juga kemakmuran dan kestabilan global.

Berangkat mengepalai perarakan Maulidur Rasul



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan sejauh 1.9 kilometer mengelilingi Bandar Seri Begawan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3 hingga 5).



Berita Utama



MAJLIS Penutup Dikir di Istana Nurul Iman

Muka 6



UTAMAKAN keselamatan pesakit, pertingkatkan proses diagnostik penyakit

Muka 7



BYLC Ke-5 : Platform membangun, memperkuatkan belia

Muka 13



Warisan

SENAPANG Pek, Rising, permainan warisan yang kini pupus

Muka 20

Perkuat sistem *immune*, kekebalan diri dengan pendidikan ugama

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmani Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyafaril
Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasabihee Ajma'een,
Waba'du

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juu, dapatlah kita menyambut dan menyemarakkan lagi bulan Rabiu'lawal sempena Hari Kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antara tujuan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diutus ialah untuk menyempurnakan akhlak, sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala memperakui Baginda itu merupakan contoh terbaik untuk diikut seperti yang disebut di dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang kira-kira tafsirnya :

"Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) di akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".

Beta mengambil maklum, tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini berbunyi : 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Tema ini amatlah sesuai untuk dihayati, berdasarkan cabaran-cabaran masa kini

memerlukan akal dipelihara. Kerana akal yang sihat menjamin kehidupan berkat. Jika akal sihat, semua akan berjalan dengan baik, lancar dan berjaya. Sebab itu gejala mental adalah menjadi keutamaan untuk dirawat.

Akal adalah kurnia terbesar Allah Subhanahu Wata'ala. Ia sangat penting untuk kelangsungan hidup. Sebab itu agama Islam telah menyediakan panduan bagaimana memelihara akal supaya tetap sihat, jangan terganggu atau terjejas, iaitu antaranya telah mengharamkan segala benda yang memabukkan yang boleh merosakkan akal, seperti meminum arak, menyalahgunakan dadah dan sebagainya.

Termasuk semua perkara yang boleh membawa kepada ketagihan, seperti melayari aplikasi media secara tidak terkawal, menyalurkan maklumat-maklumat tidak sahih dan melihat imej atau klip video yang tidak bermoral. Ini semua boleh mengganggu fungsi akal yang sebenar.

Melihat senario yang sangat membimbangkan ini, beta berharap pendidikan, khasnya pendidikan ugama hendaklah berperanan secara berkesan dalam menyemai akhlak mulia melalui pendidikan, dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi.

Dalam hubungan ini, para ibu bapa dan penjaga serta lain-lain yang berkepentingan, dikehendaki supaya peka dengan setiap perkembangan kognitif dan kesihatan mental anak-anak dan pelajar-pelajar serta bersikap lebih prihatin terhadap kegiatan mereka dalam melayari capaian internet, sehingga kemudahan teknologi digital ini tidak disalahgunakan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

Memang dalam era digital masa ini, cabaran semakin besar, terutama dengan kehadiran media sosial yang kadang-kadang menyebarkan maklumat bercanggah dengan ajaran Islam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh itu, kita perlu memperkuat sistem *immune* atau kekebalan diri dengan pendidikan ugama. Ini penting, supaya kita tidak terpengaruh oleh ideologi dan pemikiran yang tidak selari dengan dasar kerajaan beta.

Di samping itu, beta juga berharap agar aktiviti-aktiviti dakwah yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkenaan akan dapat disampaikan secara berhikmah, sehingga mampu untuk menjadi benteng menghalangi ajaran-ajaran sesat dari disebar melalui

pelbagai bentuk aplikasi media.

Alhamdulillah, kerajaan beta melalui semua agensi penguatkuasaan, terus meningkatkan usaha menangani ajaran sesat dan mengawal fahaman pluralisme, ekstremisme dan radikalisme supaya tidak tersebar di negara ini. Ini penting bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan.

Untuk akhirnya, bersemepena dengan memperingati Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam ini, maka marilah kita sama-sama memperbanyakkan selawat ke atas Baginda, sebagai usaha menagih syafaat di dunia dan di akhirat.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG 18 SEPTEMBER 2024

Pastikan kesihatan mental diri sendiri diutamakan

KESIHATAN mental sering kali dianggap remeh oleh masyarakat malah terdapat stigma masyarakat sekeliling yang menganggap ia berkaitan dengan penyakit yang tidak baik. Isu mengenai masalah kesihatan mental sering kali mendapat perhatian dan keadaan ini menimbulkan kegusaran masyarakat kerana implikasinya akan menjelaskan prestasi individu dan organisasi.

Mereka yang mengalami kesihatan mental akan mudah terdedah kepada tindakan berisiko dan luar kawalan. Mengikut takrifan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kesihatan adalah satu keadaan merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial, tidak hanya ketidaaan penyakit.

Kita perlu memahami konsep kesihatan mental terlebih dahulu, terdapat perbezaan besar di antara kesihatan mental dan penyakit mental. Seseorang individu normal mungkin tidak mempunyai kesihatan mental yang baik pada setiap masa, tetapi masih lagi berupaya melakukan aktiviti sehari-hari seperti biasa.

Berlainan dengan mereka yang mempunyai penyakit mental, fungsi sehari-hari akan terjejas. Secara umumnya, kesihatan mental menggambarkan tahap kesejahteraan pemikiran dan emosi seseorang individu. Jika seseorang itu terdedah kepada tekanan berterusan dan tidak berupaya mengendalikan tekanan, mereka mungkin mendapat penyakit mental.

Risiko adalah lebih tinggi dalam kalangan mereka yang mempunyai sejarah keluarga yang mempunyai penyakit mental, faktor psikologi dan masalah personaliti tertentu, ketidakseimbangan bahan kimia di dalam otak dan keabnormalan otak. Seseorang itu akhirnya berpotensi mengalami kemurungan, bipolar dan skizofrenia.

Oleh itu, stigma terhadap penyakit mental perlu dihapuskan dalam kalangan masyarakat bagi memberi ruang kepada penghidap penyakit tersebut untuk tampil mendapatkan rawatan sewajarnya.

Stigma masyarakat yang sering menggambarkan individu yang menghidap penyakit ini sebagai lemah semangat, sekali gus tidak berani tampil mendapat bantuan pakar. Oleh itu, akibat stigma yang terlalu kuat dipegang oleh masyarakat, individu merasakan dirinya terpinggir.

Oleh yang demikian, kesihatan mental adalah penting bagi manusia. Sesiapa sahaja berhak untuk mencapai tahap kesihatan mental tertinggi. Justeru, pastikan kesihatan mental diri sendiri diutamakan. Dapatkan bantuan segera tanpa rasa takut atau malu sekiranya ada rasa yang tidak kena dengan mental kita untuk kebaikan bersama.

- Ketua Penyuntingan (Zk)

WAKTU SEMBAHYANG										
September MASIHI	HARI	Rabiu'lawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	RABU	14	4.43	4.53	6.10	6.33	12.15	3.20	6.18	7.27
19	KHAMIS	15	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27
20	JUMAAT	16	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26
21	SABTU	17	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26
22	AHAD	18	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
23	ISNIN	19	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.22	6.16	7.25
24	SELASA	20	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
33 26 °C	34 26 °C	32 24 °C
Pekan Bangar		
33 26 °C	34 26 °C	32 24 °C
Pekan Tutong		
33 26 °C	33 25 °C	32 24 °C
Kuala Belait		
33 26 °C	33 25 °C	32 24 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENGEPALAI PERARAKAN MAULIDUR RASUL



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tuoh, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 September. - Laungan dikir dan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bergema di setiap sudut Bandar Seri Begawan (BSB) menyemarakkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya.



PERSEMAHAN Dikir Marhaban yang dibawakan oleh gabungan para pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara dijunung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB); Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1446H; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

>> Muka 4



KEBAWAH DULI YANG MAAH MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SERTA PADUKA-PADUKA ANAKANDA DAN ADINDA BAGINDA KETIKA BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM PERINGKAT NEGARA BAGI TAHUN 1446H / 2024M (ATAS DAN KIRI).

>> Muka 3

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Acara diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menjelaskan Sambutan Maulud Nabi adalah tanda kasih dan menjunjung tinggi jasa kepimpinan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sembah Yang Berhormat lagi, ia juga adalah sebagai menyatakan kesyukuran atas nikmat Allah

Subhanahu Wata'ala yang menjadikan kita beragama Islam dan bernegarakan negara Islam yang beriman menurut kepimpinan junjungan kita Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam yang diutus oleh Allah sebagai rasul-Nya menjadi rahmat kepada seluruh alam.

"Dalam masa yang sama,

Sambutan Maulud Nabi setiap tahun adalah kesempatan untuk mendakwahkan ajaran Islam, khasnya untuk membawakan tema-tema yang berkenaan dengan isu-

isu sosial kemasyarakatan seperti isu gejala mental yang sedang menjadi perhatian untuk ditangani.

>> Muka 5



KEBAWAH DULI YANG MAAH MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENGEPALAI PERARAKAN SEJAUH 1.9 KILOMETER MENGELILINGI BANDAR SERI BEGAWAN.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri dan kiri sekali).



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai perarakan berkenaan (bawah kiri sekali dan bawah tengah), manakala gambar bawah kanan, tembakan meriam dilepaskan sebanyak 21 das.



>> Muka 4

Maka tema Sambutan Maulud tahun ini adalah mengungkapkan kata-kata slogan seruan untuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam,' sembah Yang Berhormat lagi.

Memelihara akal dalam erti kata supaya ia tetap sihat dan berfungsi dengan baik, tidak menimbulkan gejala-gejala mental, terang Yang Berhormat lagi.

Dalam memelihara akal itu,

Yang Berhormat kemudiannya menjelaskan, kita diseru untuk berpandukan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu jalan dan cara Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menangani sesuatu gejala penyakit secara kerohanian.

Atur cara diteruskan lagi dengan Persembahan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh gabungan para pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta YSHHB dan

sebaik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi' tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk mengepalai perbarisan perarakan.

Sebelum perarakan bermula, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar mengepalai bacaan selawat tiga kali yang menandakan perarakan akan dimulakan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat menyertai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan (atas dan atas kiri).

Pada tahun ini keramaian peserta yang menyertai perarakan adalah berjumlah 5,409 orang yang dibahagikan kepada 95 pasukan mengikut lima kategori iaitu Pasukan-pasukan Tidak Bernombor; Kategori Kementerian-kementerian; Kategori Institusi Pengajian Tinggi / Maktab / Sekolah Arab / Sekolah Menengah Swasta; Kategori Kampung dan

Masjid; serta Kategori Persatuan dan Sektor Swasta.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446H pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan YSHHB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia serta paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kiri dan kiri sekali, antara yang menyertai perarakan.



SEKITAR Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446H / 2024M yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk daripada pelbagai peringkat di daerah ini (kiri sekali, kiri dan atas).

MAJLIS PENUTUP DIKIR DI ISTANA NURUL IMAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 September. - Majlis Dikir Maulud sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dilangsungkan selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau, dan balai-balai ibadat di negara ini



DIKIR Maulud berkenaan dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najahab Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (atas dan atas kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada Majlis Dikir Maulud di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

adalah sebagai tanda kecintaan umat Islam kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam mengimarahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir Maulud diadakan di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman, malam tadi.

Dikir Maulud berkenaan dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najahab Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid dan seterusnya diikuti dengan Dikir Syarafil Anam.

Antara bacaan dikir yang dibawakan ialah Dikir Assalamualaika, Khairuman, Bisyahrin, Alhamdulillah serta Badat dan kemudian disusuli dengan Dikir Marhaban.

Apabila sampai kepada bacaan 'Ya Habibi', majlis diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 21 das daripada Pasukan Tembak Meriam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Doa Dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji

Awang Hamidon, sementara Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat dan hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Mulia Pengiran-pengiran Peranakan, Yang Dimuliakan Pehin-pehin Manteri dan Yang Mulia Manteri-Manteri Bertauliah, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

Latihan penuh pastikan kelancaran majlis



Salleh; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir sama, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan juga pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian yang berkenaan serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang terlibat.

Antara pengisian Majlis Ilmu 2024 ialah Forum Perdana Majlis Ilmu yang akan diadakan pada Khamis, 19 September 2024 dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu pada 21 September 2024. Turut diadakan ialah Pameran Majlis Ilmu 2024 yang akan dibukukan bagi kunjungan orang ramai bermula 18 September hingga 3 Oktober 2024 nanti.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet hadir menyaksikan latihan penuh bagi Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2024 dan seterusnya membuat lawatan ke Pameran Majlis Ilmu 2024 (atas dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada latihan tersebut.

BERAKAS, Selasa, 17 September. - Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2024 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun akan diadakan pada Rabu, 18 September 2024 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas bermula jam 9.00 pagi.

Tema bagi Majlis Ilmu 2024 ialah 'Menangani Gejala Mental'. Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran majlis, pagi tadi diadakan latihan penuh (raptai) majlis tersebut.



Majlis Ilmu 2024 pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian

Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

PERTANDINGAN QASIDAH SERIKAN MAJLIS MAULUD NABI



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Qasidah (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, sekitar majlis yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

BERAKAS, Selasa, 17 September. - Jabatan Perkhidmatan Renal dan Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian

Kesihatan telah menganjurkan Pertandingan Qasidah julung-julung kali diadakan sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha oleh Guru Ugama Tingkat 2, Jabatan Perkhidmatan Renal, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Tapau, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis.

Sebanyakempatkumpulan telah ikut serta dalam pertandingan ini. Kumpulan All-One MOH, Jabatan Pentadbiran dan



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tujo

Kewangan muncul juara sementara itu, tempat kedua disandang oleh Kumpulan Qaisara Qalbi, Hospital Suri Seri Begawan, Belait, manakala tempat ketiga pula oleh Kumpulan Az-Zuhrah, Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong dan hadiah sagu hati diberikan kepada Kumpulan An-Naura, Jabatan Perkhidmatan Renal.

Bagi menyerikan majlis ini, pelajar-pelajar dari Sekolah Al-Falah juga dijemput untuk membuat Persembahan Qasidah. Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat.

Objektif pertandingan ini

diadakan adalah bagi sama-sama memperkuatkkan ikatan dan kecintaan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui pujian dan selawat yang disampaikan dalam bentuk qasidah serta meningkatkan penyertaan dan keaktifan pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dalam aktiviti keagamaan dan kebudayaan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



Utamakan keselamatan pesakit, pertingkatkan proses diagnostik penyakit

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 September. - Setiap tahun pada 17 September, Negar-negara Anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyambut Hari Keselamatan Pesakit Sedunia sebagai satu komitmen yang bersepada dalam mengetengahkan kepentingan keselamatan pesakit.

Pada tahun ini, tema sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia ialah 'Menambah Baik Diagnosis Untuk Keselamatan Pesakit'. Tema ini memfokuskan kepada kepentingan dan ketepatan diagnosis dalam penjagaan kesihatan demi melindungi keselamatan pesakit.

Diagnosis merupakan asas rawatan yang dikenal pasti sangat berkesan. Diagnosis yang betul dan tepat pada masanya bukanlah sekadar untuk mencapai matlamat ketepatan akan tetapi ia berfungsi sebagai satu keperluan untuk sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Walau bagaimanapun, kesilapan yang berlaku semasa proses diagnosis juga mungkin boleh terjadi dan menyebabkan pesakit akan mengalami penderitaan penyakit yang berpanjangan, bahkan juga boleh mengancam nyawa pesakit tersebut.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan

perkara tersebut dalam Perutusan sempena Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024.

Justeru itu, Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada tahun ini jelas Yang Berhormat disambut adalah bermatlamat untuk menyampaikan empat mesej utamanya iaitu Diagnosis yang betul dan tepat adalah langkah pertama yang berkesan dalam Pencegahan dan rawatan penyakit; Pemahaman terhadap proses diagnostik adalah kunci bagi mengurangkan kelewatan diagnosis; Kepelbagaiannya tentang cara penyelesaian yang tersedia ada adalah strategi untuk menangani kesilapan diagnostik; dan Diagnosis yang betul dan tepat dalam penjagaan kesihatan adalah memerlukan kerjasama serta komitmen dari semua pihak.

Pada masa ini menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mengambil peluang penggunaan teknologi dan menjadikannya sebagai salah satu usaha bagi memperbaiki asas penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Berhormat menambah, pengenalan kepada aplikasi telefon bimbit seperti BruHealth merupakan satu contoh inovasi dan transformasi kesihatan di mana rekod-rekod kesihatan elektronik dari peralatan diagnostik termasuk penganalisaan data dipacu dan disepadukan dengan Kecerdasan Buatan

atau Artificial Intelligence untuk meningkatkan ketepatan diagnostik.

"Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan beberapa ciri-ciri seperti Health Index dan National Health Screening Programme di dalam sistem BruHealth yang antara lain tujuannya adalah untuk membantu orang awam meningkatkan kepekaan, pengesanan dan pencegahan terhadap risiko awal penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit diabetes, penyakit darah tinggi dan penyakit kolesterol tinggi."

"Di kesempatan ini, saya menyeru agar semua lapisan masyarakat dan penduduk di NBD supaya dapat memanfaatkan ciri-ciri yang sedia ada di dalam aplikasi BruHealth untuk sama-sama mempertingkatkan budaya hidup sihat menerusi pemantauan tahap kesihatan masing-masing menerusi aplikasi BruHealth tersebut," tegas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Selain itu, Kementerian Kesihatan jelas Yang Berhormat, juga sangat komited dalam menerapkan safety culture atau budaya keselamatan yang kukuh bagi melahirkan pentadbiran kesihatan yang efisien dan pembinaan kapasiti sistem penjagaan kesihatan yang berkesan.

"Budaya keselamatan yang dimaksudkan adalah memupuk persekitaran yang mengutamakan

keselamatan pesakit, menerima dan mengambil pengajaran dari pengalaman insiden yang berlaku serta menggalakkan nilai-nilai ketelusan secara berterusan.

"Perkara ini bukan sahaja berperanan untuk memastikan alat teknologi dapat digunakan dengan berkesan malahan juga barisan kakitangan akan dapat merasakan suatu sokongan yang padu dalam usaha mereka untuk menyampaikan penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti tinggi," ujar Yang Berhormat lagi.

Justeru itu Yang Berhormat menekankan, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dan bekerjasama dengan semua pihak termasuk pesakit, ahli profesional kesihatan dan penggubal dasar bagi memastikan setiap diagnosis dibuat adalah betul dan tepat.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga akan mempertingkatkan proses diagnostik penyakit dengan memperbaiki komunikasi dan melibatkan pesakit secara lebih aktif dalam penjagaan kesihatan pesakit itu sendiri.

Usaha bersepada berupaya membantu dalam mengurangkan kesilapan dan mencegah kelewatan diagnosis serta mencapai sistem penjagaan kesihatan yang selamat dan berkesan untuk semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.



PADA tahun ini, tema sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia ialah 'Menambah Baik Diagnosis Untuk Keselamatan Pesakit'.

...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

Daerah Tutong

TUTONG, Isnin, 16 September. - Kira-kira 2,800 peserta menyertai perarakan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong bagi Tahun 1446 Hijrah.

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya mengepalai perarakan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah diikuti dengan Persembahan Dikir Marhaban beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Sirajul Aidil bin Haji Mohd Yusof daripada Bahagian Pengajian Islam.

Ini disusuli dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat I, Ketua Imam Masjid Kampung Tanjung Maya, Awang Abd. Wafi bin Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Latif bin Zaini dan seterusnya laungan selawat diketuai oleh Imam Tingkat I, Ketua Imam Masjid Kampung Tanjung Maya, Awang Abd. Wafi bin Haji



Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Kadirosman.

Kemudian diteruskan dengan perarakan yang didahului oleh tetamu khas bersama Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Peringkat Daerah Tutong yang diiringi dengan bacaan selawat oleh Kumpulan Dikir Perarakan.

Perarakan sejauh 1.4 kilometer

bermula daripada Kawasan Lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong menuju ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMMPHMAMB) Tutong, Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain dan berakhir di Kawasan Lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong berkemaan.

Sebanyak 39 buah pasukan terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Peringkat Daerah Tutong termasuklah

pasukan-pasukan beruniform, pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan, jemaah masjid, penuntut-penuntut dan tenaga-tentara pengajar di sekolah-sekolah menengah dan ugama, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, persatuan-persatuan serta penduduk di Daerah Tutong menyertai perarakan tersebut.

Tema Sambutan Maulud pada tahun ini ialah 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Daerah Belait



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu khas dan seterusnya mengepalai perarakan tersebut (atas).

ANTARA yang menyertai perarakan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong bagi Tahun 1446 Hijrah (kiri).



Daerah Temburong



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah, antara yang menyertai perarakan tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Isnin, 16 September. - Lebih 1,200 peserta yang mewakili 20 pasukan menyertai perhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Perhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi daerah berkenaan bermula dan berakhir di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Majlis diserikan lagi dengan Tazkirah Khas bertajuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Sayyidul Istighfar oleh guru-guru ugama Daerah Temburong, diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang juga dipimpin oleh Awang Muhammad Syahmi.

Majlis kemudian disusuli dengan bacaan selawat sebanyak tiga kali dikepalai oleh Awang Haji Miramit bin Haji Damit dan disusuli dengan perarakan menuju ke Pekan Bangar didahului oleh tetamu khas bagi mengepalai perarakan Pasukan Ahli Jawatankuasa Perhimpunan dan Perarakan serta diikuti oleh pasukan-pasukan lain.

YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu khas pada perhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang menyertai perarakan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BELAIT, Isnin, 16 September.

- Seramai 2,420 peserta terdiri daripada 33 pasukan menyertai perhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, di sini.

Pasukan yang menyertai adalah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK), pasukan-pasukan beruniform, jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, sekolah-sekolah menengah dan Arab, masjid, surau, balai ibadat, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta persatuan-persatuan di daerah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan, Seria, Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim.

Tazkirah Khas mengenai tema Sambutan Maulud pada tahun ini, iaitu 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'

disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Farisza bin Haji Ali.

Persembahan Tausyeh daripada murid-murid Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien serta persembahan Dikir Marhaban daripada gabungan para pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Belait menyenaraikan majlis tersebut.

Manakala bacaan Doa Selamat dan laungan selawat sebanyak tiga kali dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan, Seria, Awang Mohammad Fakhri.

Majlis diteruskan dengan memperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan dan penyampaian sijil penyertaan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dengan diiringi Persembahan Tausyeh daripada murid-murid Sekolah Ugama Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin yang diketuai oleh Awang Haji Faizal bin Haji Abdullah.

Perarakan mengelilingi Pekan Belait sejauh 1.6 kilometer didahului oleh pasukan yang diketuai oleh tetamu khas dan AJK Sambutan diikuti dengan oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.



...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

Daerah Tutong



ISTERI Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli hadir selaku tetamu khas pada majlis perhimpunan tersebut.

TUTONG, Isnin, 16 September. - Memelihara akal atau menjaga kecerdasan dan kemampuan berfikir adalah aspek penting dalam kehidupan seorang Muslim.

Pemeliharaan akal ertiinya memberi perlindungan kepada



akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan.

Justeru itu, akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Ini kerana, semua unsur-unsur yang menjurus pada kehilangan dan merosakkan akal serta pemikiran seperti arak, dadah serta filem yang merosakkan, sudah semestinya dibanteras dan dihalang dengan segera.

Perkara itu antara inti pati Tazkirah Khas bertajuk

TAZKIRAH Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Nurhuwaina binti Mamud.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumun

'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Nurhuwaina binti Mamud pada Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan di Dewan Jubli Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong, di sini.

Dalam Islam, akal adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat berharga. Dengan akal jelasnya, kita dapat membezakan antara yang benar dan yang salah, bahkan, kita dapat memahami perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan mengamalkan syariat-Nya dengan bijaksana. Akal juga merupakan salah satu kurniaan-Nya yang membezakan manusia dari makhluk lainnya.

Oleh itu, memelihara akal berpandukan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tegasnya, adalah dengan mencari ilmu, menjaga kesihatan fizikal dan mental, menghindari pengaruh negatif dengan mengelakkan perbuatan yang membahayakan akal, berfikir dan merenung, menghindari stres dan kelelahan berlebihan dan berdoa dan memohon petunjuk.

Beliau seterusnya menekankan kita agar berusaha untuk memelihara akal kita dengan mengikuti petunjuk dan Sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Dengan cara ini, kita dapat

memastikan bahawa akal kita digunakan untuk kebaikan dan kebijakan, serta menjadi hamba Allah yang taat dan bertakwa. Semoga Allah mempermudahkan kita dalam melaksanakan ajaran-Nya dan menjadikan kita sebagai umat yang memanfaatkan akal dengan sebaik-baiknya," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis perhimpunan tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai diketuai oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Tutong, PDI, Dayang Hajah Siti Norziah binti Haji Asli.

Diikuti dengan persembahan bacaan Al-Quran yang dibacakan

oleh Guru Ugama Tingkat II, Dayang Hajah Noorlaila binti Haji Metusin dan murid Sekolah Ugama Tutong Kem, Dayang Nur Damia Faqihah binti Mohamad Aji.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban daripada guru-guru besar dan guru-guru Sekolah-sekolah Ugama, Bahagian Pengajian Islam Daerah Tutong.

Ini diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Dayang Hajah Siti Norziah.

Seramai 450 dalam kalangan wanita daripada pegawai dan kakitangan kerajaan di Daerah Tutong, Majlis Perundungan Mukim, persatuan-persatuan, jabatan-jabatan, sekolah-sekolah menengah dan Muslimah masjid di Daerah Tutong menghadiri perhimpunan berkenaan.

Daerah Belait



ISTERI Menteri Pembangunan, Datin Fadzlin binti Haji Hashim hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah, antara persembahan pada majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BELAIT, Isnin, 16 September. - Lebih 600 Muslimah menghadiri Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2024 Masihi, berlangsung di Dewan Bandara Kuala Belait, Dewan Persidangan Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu khas, isteri Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, iaitu Datin Fadzlin binti Haji Hashim.

Majlis dimulai dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Pegawai Jabatan Pengajian Islam (JPI), Daerah Belait, Dayang Hajah Siti Faridah@ Nurhani binti Haji Ahmad.

Acara diteruskan dengan

Ceramah Khas bertajuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff selaku penceramah undangan.

Majlis turut diserikan lagi dengan Persembahan Deklamasi Sajak 'Turbiah Rasulullah' oleh guru-guru dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, diikuti dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada Ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Daerah Belait.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai JPI, Daerah Belait, Dayang Hajah Siti Faridah@ Nurhani.

Daerah Temburong



ISTERI Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah, Tazkirah Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Nurhikmah binti Haji Idris.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Al-Fatiha yang diketuai oleh Guru Ugama Tingkat II, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Daerah Temburong, Dayang Aisyah Safiyah binti Haji Abdul Rahman.

Acara diteruskan lagi dengan persembahan nasyid oleh Belianwanis Surau Kampung Piasau-piasau, Daerah Temburong daripada Kumpulan Saotulmar'aah, diikuti dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada gabungan Ahli Jawatankuasa, guru-guru besar dan Muslimah Daerah Temburong.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang juga dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, JPI, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini, isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, iaitu Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah



MTWG : MEMACU PERUBAHAN SIGNIFIKAN DALAM KERJASAMA MARITIM SERANTAU



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bergambar ramai pada Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengangkutan Maritim ASEAN Ke-47 (The 47th ASEAN Maritime Transport Working Group-MTWG).

Siaran Akbar dan Foto : Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 September. – Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengangkutan Maritim ASEAN Ke-47 (The 47th ASEAN Maritime Transport Working Group-MTWG) bermula hari ini di Bandar Seri Begawan dan akan berterusan sehingga 18 September 2024.

Mesyuarat berkenaan menandakan pencapaian penting dalam memperkuuh kerjasama serantau dan memajukan pembangunan maritim selaras dengan matlamat ASEAN untuk meningkatkan kesalinghubungan dan integrasi ekonomi.

Majlis dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri dalam ucapan perasmianya mengalu-alukan kedatangan delegasi bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menyatakan keyakinan bahawa MTWG Ke-47 berkenaan akan terus meningkatkan kerjasama pengangkutan maritim di rantau ini dan menyumbang kepada merealisasikan Matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community-AEC).

Beliau juga turut menekankan peranan penting kesalinghubungan maritim dalam memacu pertumbuhan ekonomi di seluruh rantau berkenaan selain

mengetengahkan inisiatif seperti Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN, yang memainkan peranan penting dalam mengukuhkan rangkaian logistik, memudahkan perdagangan, dan mempromosikan pelancongan, yang seterusnya memupuk integrasi ASEAN yang lebih mendalam.

Tambahnya lagi, menangani cabaran yang ditimbulkan oleh perubahan iklim dan transformasi digital dalam sektor maritim, di samping menyeru untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan semua pihak berkepentingan untuk memastikan keselamatan, kemampuan dan daya tahan operasi maritim di rantau ini.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam - MPABD), Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman, turut menyampaikan ucapan alu-aluan, mengesahkan komitmen NBD untuk meningkatkan kesalinghubungan dan kelestarian maritim dalam rantau ASEAN.

Beliau memuji kerja MTWG dan mengiktiraf sumbangan penting sektor swasta dan persatuan berkaitan pengangkutan dalam pembangunan maritim rantau ini.

Mesyuarat MTWG Kali Ke-47, yang dipengerusikan oleh Penolong Ketua Eksekutif MPABD, Dayang Salmaya Rahayu binti Saleh, mengalu-alukan ketua-ketua delegasi dari Negara-negara Anggota ASEAN, Rakan Dialog, wakil daripada Sekretariat ASEAN dan Pertubuhan Maritim

Antarabangsa (International Maritime Organization-IMO).

Perbincangan utama tertumpu pada strategi pembangunan pengangkutan maritim yang lestari, dan kerjasama dengan sektor swasta untuk menangani cabaran maritim yang semakin meningkat.

Mesyuarat tahun ini bertujuan untuk memacu perubahan yang signifikan di NBD dan ASEAN dengan menambah baik kerjasama maritim serantau, mengoptimalkan operasi pelabuhan, dan meningkatkan keselamatan pelabuhan, yang akhirnya akan menyokong pertumbuhan ekonomi yang kupek.

Pelan Tindakan Pengangkutan ASEAN 2026-2030, yang diterima pakai semasa mesyuarat berkenaan, dijangka memainkan peranan penting dalam memajukan sistem pengangkutan maritim yang lestari dan selamat, serta memastikan kemakmuran ekonomi dan kelestarian alam sekitar untuk rantau ini.

NBD melalui MPABD, akan terus menerusi MTWG sepanjang tempoh dua tahun, mengukuhkan komitmennya untuk membentuk masa depan pengangkutan maritim di rantau ini. Jawatan pengerusi akan diserahkan kepada Kemboja pada 2026.

MTWG Ke-47 akan diteruskan dengan Bengkel ASEAN-Amerika Syarikat mengenai 'Membangun Pelabuhan Lestari Melalui Dasar, Perancangan, Kerjasama dan Inovasi' yang akan berlangsung dari 19 hingga 20 September 2024.

Masjid Kampung Kilanas anjur Majlis Penutup Dikir



MASJID Kampung Kilanas semasa mengadakan Majlis Penutup Dikir.

KILANAS, Selasa, 17 September. – Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dilangsungkan

selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan di rumah-rumah orang perseorangan di negara ini

berakhid dengan Majlis Penutup. Masjid Kampung Kilanas juga tidak ketinggalan mengadakan acara seumpamanya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Norazmi bin Othman.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki. Ini diikuti dengan bacaan Dikir-dikir Assalamualaika, Khairuman, Bisyahrin, Al-Ham, Badatlana dan Bishahrin beramai-ramai diikuti dengan Persembahan Dikir Badat dari jemaah Kementerian Pembangunan dan jemaah Masjid Jubli Perak, Kampung Jangskar.

Maulud Nabi atau Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara

Waspada keadaan cuaca aktif

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah dilanda kejadian hujan berpetir berserta angin kencang, di mana kelajuan angin kencang tertinggi yang telah direkodkan di Stesen Pencerapan Kajicuaca, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah 80kmsj yang berlaku pada pukul 2.30 petang tadi.

Manakala pada jam 8.00 pagi tempatan hari ini, Taufan Bebinca telah diturun taraf kepada Sistem Lekukan Tropika setelah memasuki kawasan daratan di sebelah Timur Negara China. Sistem ini dijangka tidak akan menjelaskan cuaca NBD.

Pada jam 11.00 pagi tempatan, satu lagi Sistem Lekukan Tropika telah dikesan di koordinat 13.7N, 144.2E, di kawasan laut di Timur Laut Filipina sekitar 3,400km jauh dari NBD. Sistem ini dijangka akan dinaik taraf menjadi Ribut Tropika pada Rabu, 18 September 2024 dan diramalkan akan terus bergerak ke arah Barat.

Pada masa yang sama, Ribut Tropika Pulasan diperhatikan berada di koordinat 19.3N, 137.8E, di kawasan Barat Laut Lautan Pasifik, sekitar 3000 km jauh dari NBD. Ribut Tropika Pulasan diramalkan bergerak ke arah Barat Laut menjauhi negara kita.

Sistem Lekukan Tropika dan Ribut Tropika Pulasan dijangka akan mempengaruhi cuaca kita mulai hari ini hingga Isnin, 23 September 2024.

Keadaan hujan atau hujan berpetir, sekali-sekala lebat dan disertai angin kencang dijangka berlaku terutama di kawasan pesisiran dan perairan negara dan berpotensi merebak ke kawasan pedalaman.

Kelajuan angin boleh meningkat dari 60 hingga 80kmsj semasa atau dekat hujan berangin kencang. Keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora, di antara 1.2 hingga 2.5 meter dan boleh meningkat ke paras 3.0 meter semasa hujan berangin kencang.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko kejadian pokok tumbang dan tanah susur semasa hujan lebat dan keadaan berangin.


Banjir kilat juga boleh berlaku terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua. Keadaan laut bergelora adalah juga berbahaya kepada semua operasi bot-bot kecil.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram kami Brunei Weather.



kebesaran yang diraikan oleh umat Islam di negara ini dan merata negara Islam yang lain.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit, pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta ahli jawatankuasa takmir masjid dan para penduduk sekitarnya.

MOA KETENGAHKAN KERJASAMA INDUSTRI, AKADEMIK



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) bergambar ramai pada Majlis Menandatangani Perjanjian (MoA) UTB bersama Berjaya Sendirian Berhad dan Han S.L. Sendirian Berhad.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

TUNGKU LINK, Selasa, 17 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian (MoA) bersama Berjaya Sendirian Berhad dan Han S.L. Sendirian Berhad dalam menekankan komitmen UTB terhadap kerjasama industri dan akademik.

Majlis yang berlangsung di Bangunan Mutiara UTB tersebut dihadiri oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pusat Penyelidikan Pengangkutan (CfTR) UTB, Dr. Hajah Wida Susanty binti Haji Suhaili dan juga ucapan daripada Pengarah Urusan Berjaya Sendirian Berhad, Pengiran Irwan@Pengiran Irwan Ab. Rahaman bin Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Pengurus Besar Han S.L. Sendirian Berhad, Ramil Luna

Triambulo.

Acara itu menampilkan pemeteraian MoA antara UTB dan Berjaya Sendirian Berhad untuk projek penyelidikan kerjasama mengenai kebolehlaksanaan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) Solar PV.

Projek inovatif ini bertujuan untuk meneroka penggunaan tenaga suria untuk infrastruktur pengecasan EV di negara ini, sejarar dengan matlamat kemampunan negara.

Mewakili bagi pihak UTB ialah Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa dan Dr. Hajah Wida Susanty sebagai saksi. Manakala pihak Berjaya Sendirian Berhad diwakili oleh Pengiran Irwan@ Pengiran Irwan Ab. Rahaman dan Ketua Jualan, Kelly Chin Kee Lee sebagai saksi.

Dalam MoA itu Berjaya Sendirian Berhad akan menyediakan NETA EV untuk penyelidikan, membolehkan penyelidik UTB menilai daya maju

sistem pengecasan EV berkuasa solar. Hasilnya akan diterbitkan secara akademik, mengiktiraf sumbangan penting Berjaya Sendirian Berhad kepada penyelidikan ini.

Sementara itu, Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani untuk memperluaskan kerjasama dengan Han S.L. Sendirian Berhad mewujudkan rangka kerja untuk kerjasama berterusan dalam penyelidikan, pendidikan dan latihan, khususnya dalam kejuruteraan, teknologi dan

infrastruktur EV.

Mewakili bagi pihak UTB ialah Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa dan Dr. Hajah Wida Susanty sebagai saksi. Manakala pihak Han S.L. Sendirian Berhad diwakili oleh Ramil Luna Triambulo dan Pakar Rangkaian Pengecasan EV, Mohamad Jairul Nizam bin Haji Mohamad Jait sebagai saksi.

Perkongsian ini bertujuan untuk memajukan penyelesaian pengangkutan yang mampan dan memacu inovasi dalam Sektor Kejuruteraan dan Teknologi Brunei.

Dengan menggabungkan kepakaran industri dengan penyelidikan akademik, inisiatif tersebut dijangka menyumbang secara signifikan kepada masa depan hijau sambil mempertingkatkan perkongsian penyelidikan antarabangsa UTB.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam teladan terbaik sepanjang zaman

sesungguhnya bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan di bumi dan Allah sentiasa Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah agama yang benar dan penyempurna bagi agama yang dibawa para nabi dan rasul sebelumnya. Bagindalah yang menyebarkan agama Islam kepada seluruh umatnya dengan penuh perjuangan dan mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya serta menunjukkan mereka ke jalan yang benar khususnya di zaman jahiliyah yang keadaan masyarakatnya dapat digambarkan sebagai sangat mundur, jahil dan terpesong dari ajaran yang benar iaitu menyembah berhala, merompak, membunuh, mabuk dan berzina. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ruum, ayat 30 yang mafhumnya :

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa

pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad! ke arah agama yang jauh dari kesesatan (turutlah terus) agama Allah iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya) untuk menerimanya, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu, itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakannya manusia tidak mengetahui”.

Akhlik dan peribadi Baginda adalah menjadi suri teladan yang paling baik untuk dicontohi dan diikuti seluruh umat Baginda. Sirah atau perjalanan hidup Baginda benar-benar berlandaskan perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang penuh dengan jihad dalam menegakkan dan memperjuangkan syi'ar Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang mafhumnya :

“Sesungguhnya Allah dan paramalaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

Marilah kita memperbanyak selawat ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Berselawat merupakan suatu ibadah yang telah disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke atas orang-orang yang beriman bahkan Allah Subhanahu Wata'ala dan para malaikat juga berselawat ke atas Baginda. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 yang mafhumnya :

“Sesungguhnya Allah dan paramalaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولان فوسة دعوه اسلاميه

NABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah nabi dan rasul yang terakhir yang diutuskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada seluruh umat manusia. Kita sebagai umat Baginda hendaklah beriman dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran yang disampaikan oleh Baginda. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa', ayat 170, mafhumnya :

“Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Allah (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) dengan membawa kebenaran dari Tuhan kamu, maka berimanlah kamu (kerana yang demikian itu) amatlah baiknya bagi kamu. Dan jika kamu kufur ingkar (maka kekufuran kamu itu tidak mendatangkan kerugian apa-apa kepada Allah) kerana



IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bnE-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENJAGA kebersihan diri sangat dituntut dalam Islam. Ia bukan saja dititikberatkan dalam perkara-perkara ibadah seperti sembahyang, bahkan dalam rutin hidup sehari-hari pun Islam tetap mendidik umatnya supaya sentiasa menjaga kebersihan diri.

Antara cara membersihkan diri yang paling utama dalam Islam ialah mandi. Dalam Islam, fungsi mandi bukan semata-mata hanya untuk membuang kotoran dan membersihkan badan, bahkan mandi juga berkait dengan kesan suatu ibadah, contohnya pensyiaran mandi wajib untuk mengangkat hadats besar. Tanpa

Mandi Bagi Orang Yang Baru Memeluk Islam

mengerjakan mandi wajib, sembahyang dan tawaf seseorang tidak sah dan diharamkan atasnya membaca, menyentuh dan membawa al-Qur'an.

Khusus bagi orang yang baru memeluk Islam, terdapat beberapa perkara berkaitan mandi yang perlu diketahui olehnya. Perkara ini boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu sama ada orang yang baru memeluk Islam itu telah berjunub sebelum dia memeluk Islam atau dia tidak pernah berjunub sebelum dia memeluk Islam.

Irsyad Hukum ini akan menjelaskan mengenai keadaan-keadaan ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

i. Orang yang tidak pernah berjunub sebelum memeluk Islam.

Orang yang baru memeluk Islam dan dia tidak pernah berjunub sebelum dia memeluk Islam, sunat atasnya mandi kerana memeluk Islam itu. Mandi ini disunatkan sama ada orang itu pada asalnya adalah kafir, tanpa mengira ia kafir *dzimmi* (orang bukan Islam yang mendapat perlindungan dan tinggal di negara Islam) ataupun kafir *harbi* (orang bukan Islam yang memerangi orang Islam) ataupun murtad.

Disunatkan kepada mereka itu mandi adalah berdasarkan beberapa hadits, antaranya hadits yang diriwayatkan daripada Qais bin 'Ashim Radhiallahu 'anhу, beliau berkata:

Maksudnya: Aku telah datang kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam untuk (memeluk) Islam. Lalu Baginda memerintahkanku supaya mandi dengan air dan daun bidara.

(Hadits riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi)

Mandi sunat kerana memeluk Islam ini disyariatkan kerana mengagungkan dan memuliakan ugama Islam. Mandi kerana memeluk Islam ini adalah suatu ibadah. Oleh yang demikian, ia hendaklah

dikerjakan setelah memeluk Islam dan tidak memadai dikerjakan sebelumnya kerana ibadah orang kafir sebelum dia memeluk Islam adalah tidak sah.

Sunat mengerjakan mandi kerana memeluk Islam ini dengan menggunakan air dan daun bidara sebagaimana yang diperintahkan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dalam hadits riwayat Qais bin 'Ashim Radhiallahu 'anhу di atas. Tuntutan sunat menggunakan daun bidara ini adalah sebagai suatu penekanan dalam menzahirkan kesungguhan untuk menjauhkan diri daripada syirik serta menghapus kesan-kesannya daripada dirinya.

Menurut Imam al-Bujairimi *Rahimahullah*, sunat bagi orang yang baru memeluk Islam itu supaya mencukur rambut kepalanya. Tuntutan mencukur rambut ini sunat dikerjakan sebelum mandi kerana ini lebih mudah baginya membersihkan kepalanya dengan sempurna. Perbuatan mencukur rambut ini menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah* merupakan tanda nyata seseorang itu menjauhi kesan-kesan kekafiran.

Menurut Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* lagi, selain disunatkan untuk mencukur rambut kepala, disunatkan juga untuk membuang segala bulu-bulu yang ada di tubuh badan seperti bulu kemaluan, bulu ketiak dan sebagainya. Adapun janggut lelaki serta segala bulu-bulu yang ada di wajah pula, maka tidaklah dituntut untuk mencukurnya.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, bagi orang yang tidak pernah berjunub sebelum dia memeluk Islam, sunat juga hukumnya menggabungkan niat mandi kerana memeluk Islam itu dengan niat mandi junub.

ii. Orang yang telah berjunub

sebelum dia memeluk Islam.

Menurut para ulama, orang yang telah berjunub sebelum dia memeluk Islam wajib atasnya mengerjakan mandi junub. Diwajibkan atasnya mengerjakan mandi junub kerana pensyaratannya suci daripada hadats merupakan salah satu syarat daripada syarat-syarat sembahyang. Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, perbuatan memeluk Islam tidak menjadikan seseorang itu dengan sendirinya suci daripada hadats. Oleh yang demikian, sembahyang orang yang baru memeluk Islam tidak sah sekiranya dia tidak berwudu' kerana dia berhadats kecil sebelum memeluk Islam. Begitu juga tidak sah sembahyangnya sekiranya dia tidak mandi junub kerana dia berhadats besar sebelum memeluk Islam.

Mandi junub bagi orang yang baru memeluk Islam ini memadai dikerjakan satu kali sahaja sekalipun dia telah berulang kali melakukan persetubuhan, atau telah berulang kali mengalami haidh, nifas dan sebagainya sebelum dia memeluk Islam.

Menurut Imam al-Bujairimi *Rahimahullah*, dia boleh menyatukan niat mandi junub itu dengan niat mandi sunat kerana memeluk Islam. Jika dia tidak berniat mandi sunat kerana memeluk Islam ketika dia mengerjakan mandi junub itu, maka sunat baginya untuk mandi sekali lagi untuk mandi sunat kerana memeluk Islam.

Orang yang telah berjunub sebelum dia memeluk Islam adalah lebih utama mencukur rambut kepala dan membuang segala bulu-bulu yang ada di tubuh badannya selepas mengerjakan mandi junub supaya terangkat hadats daripada seluruh rambut serta bulu-bulunya itu.

Demikian penjelasan mengenai mandi bagi orang yang baru memeluk Islam.

Meningkatkan kefahaman peserta mengenai kandungan Al-Quran

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Selasa, 17 September. - Seramai 56 peserta terdiri daripada 12 lelaki dan 44 perempuan daripada kalangan mualaf yang menamatkan Skim Bimbangan Lanjutan II di bawah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) mengikuti Kursus Skim Kefahaman Al-Quran (Khas Mualaf) Tahun 2024.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran bagi Kursus Skim Kefahaman Al-Quran (Khas Mualaf) Tahun 2024 diadakan pagi tadi

bertempat di Dewan Persidangan, PDI, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh Pegawai Perkembangan Ugama (i-Ready), PDI, Awang Ahmad

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir selaku tetamu kehormat pada Kursus Skim Kefahaman Al-Quran (Khas Mualaf) Tahun 2024 di Dewan Persidangan, PDI.

Naufal Azizi bin Mohammad Norisham, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Majlis Pelancaran Kursus Skim Kefahaman Al-Quran (Khas Mualaf) Tahun 2024 oleh tetamu kehormat majlis.

Tujuan kursus berkenaan diadakan adalah bagi mempertahankan kedudukan Al-Quran sebagai sumber hukum perundangan Islam yang pertama di samping meningkatkan kesedaran umat Islam untuk memahami kandungan Al-Quran dalam pelbagai aspek serta memberi maklumat yang tepat terhadap pelbagai isu dan salah tanggapan mengenai kandungan Al-Quran di era globalisasi.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyiapkan generasi penerus yang dapat memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam secara utuh bersumberkan



Al-Quran dan sunnah dalam segala aspek kehidupan.

Kursus yang berlangsung selama empat hari bermula hari ini berkenaan diungkapayakan oleh KHEU melalui Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Quran MABIMS dengan kerjasama PDI.

TETAMU kehormat majlis semasa berucap.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

BYLC KE-5 : PLATFORM MEMBANGUN, MEMPERKUKUHKAN BELIA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman



KONVENSYEN Pemimpin Muda Brunei (Brunei Young Leaders Convention-BYLC) Ke-5, Tahun 2024 dilancarkan secara rasmi di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas dan kanan).

GADONG, Selasa, 17 September. - Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (Brunei Young Leaders Convention-BYLC) Ke-5, Tahun 2024 adalah merupakan sebuah platform utama untuk memperkuuhkan belia yang dilancarkan secara rasmi hari ini di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Konvensyen selama tiga hari berkenaan menghimpunkan lebih 150 pemimpin belia dan profesional berumur antara 15 hingga 45 tahun untuk meneroka cara inovatif bagi menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035 dan juga visi untuk masyarakat yang makmur dan dinamik.

Hari pertama konvensyen dimulakan dengan Sesi Youth Snapshot : Inspirational Youth yang menginspirasikan, memaparkan perjalanan dan pencapaian pemimpin muda di Brunei.

Turut serta dalam Youth Snapshot berkenaan, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Al-Huffaz Management,

Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan sebagai Moderator; disertai oleh Pengasas Bersama Young Professionals Network Brunei, Awang Mohammad Ashmeer Imtiaz Ahmad; Perintis Mixed Martial Arts (MMA) dan Brazilian JiuJitsu (BJJ), Awang Ahmed Faiez bin Anuar; Dayang Fatin Afiqah binti Md. Asrul Saniy, iaitu usahawan sosial yang memenangi anugerah dan penulisan; dan Pengasas bersama 27SupplyCo dan Pengasas Heritage Bakwa, Awang Rayyan Sufian sebagai mentor.

Para peserta kemudian berpeluang untuk berinteraksi dan terlibat dalam Health and Mobility Break.

Para peserta juga diberikan taklimat daripada Sekretariat Wawasan Brunei 2035, yang membincangkan matlamat negara untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Acara diteruskan dengan Sesi Breakout yang memfokuskan



kepada mengenal pasti isu-isu utama dan menjalankan analisis SWOT untuk membangunkan strategi yang boleh dilaksanakan.

Manakala, sesi petang dimulakan dengan forum pertama daripada tiga forum, bertemakan 'Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya', yang merupakan salah satu tonggak utama dalam visi kebangsaan.

Forum disertai oleh Duta Asia Pacific Young Women dan Pesuruhjaya Pandu Puteri, Dayang Nurul Wafaa' binti Awang Mohammad sebagai Moderator; bersama-sama dengan Psikologi Pendidikan, Edutainer / Pencipta Kandungan sambilan dan Penasihat Belia, Pengiran Salimatum Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh; Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian

Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor; dan Advokat Kesihatan Mental, Ketua Bersama Projek Rethink Mental Health, Dayang Nadia Syahirah binti Haji Aji sebagai mentor.

Hari pertama diakhiri dengan

Sesi Breakout terakhir, dengan para peserta berinteraksi dengan para pakar jemputan dalam pelbagai bidang tematik.

Untuk maklumat lanjut mengenai BYLC 2024, sila layari [www.bylconvention.com](http://bylconvention.com).



SEBAHAGIAN daripada yang menyertai konvensyen berkenaan.

JPP keluarkan Setem Kenang-kenangan



JABATAN Perkhidmatan Pos mengeluarkan Setem Kenang-kenangan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama (kanan dan atas).

BANDAR SERIBEGAWAN, Selasa, 17 September. - Penggemar-penggemar koleksi setem kini boleh memperoleh Setem Kenang-kenangan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bermula hari ini.

Orang ramai juga boleh memperoleh setem berkenaan

reka bentuk Dendrobium Hassanal Saleha.


Selain itu, JPP juga mengeluarkan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dengan harga 45 sen, melengkapkan koleksi filateli istimewa ini.

Produk-produk filateli yang dijual adalah seperti Lembaran Setem Set Penuh yang tidak dipotong (*uncut*) mempunyai 24 keping setem berharga BND48; Set Setem berharga BND4; Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bersetem berharga BND4.45; Sampul Surat Rasmi Hari Pertama tanpa setem berharga 45 sen.

Manakala Pek Kenangan (Presentation Pack Stamps) Edisi Terhad adalah kombinasi setem daripada dua buah negara. Produk ini dijual dengan harga BND10 dan jualan Pek Kenangan ini hanya dijual di cawangan Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan sahaja.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pemasaran, Filatelik dan Perhubungan Awam menerusi talian +673 7291679 atau +673 2222191 atau melalui e-mel di brustamp@post.gov.bn.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin





JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
4 / BBS / SH(K) / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Membekalkan 4 Unit Kamera
Jabatan Bandaran Kuala Belait
dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
5 / BBS / SH(K) / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Membekalkan Peralatan-Peralatan
Pejabat (Office Stationaries)
Jabatan Bandaran Kuala Belait
dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
1 Oktober 2024
Jam 2.00
Petang



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0027 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Repairing And Painting
For Three (3) Units Boat
And Two (2) Units Trailer
Including Replacing Of Related
Parts And Accessories,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup :
Khamis,
3 Oktober 2024
2.00 Petang



JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
45 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membekal, Membuka dan
Mengganti Baharu Pendingin Hawa
Di Bangunan Utama Jabatan
Bandaran Kuala Belait dan Seria,
Jalan McKerron Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
46 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membekal, Membuka dan
Mengganti Baharu Pendingin Hawa
Di Bangunan Dewan Bandaran
Kuala Belait, Jalan Bunga Raya
Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
47 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membekal, Membuka dan
Mengganti Baharu Pendingin Hawa
Di Bangunan Rumah Persinggahan
Kerajaan Kuala Belait, Jalan
Maulana Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
48 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Membekal, Membuka dan
Mengganti Baharu Pendingin Hawa
Di Bangunan Perkhidmatan &
Pemeliharaan Kawasan
dan Bangunan Bengkel,
Jalan Lorong Setia Diraja
Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II Kategori S02)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
24 September 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDBM / T / 05 / 2024

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Menaiktaraf
Pendawaian dan Pemasangan
Meter PRA-Bayar Elektrik
Bertempat Di Gerai Aneka Ria,
RPN Kampung Rimba, Mukim
Gadong 'B', Negara Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa,
8 Oktober 2024
Jam 2.00
Petang



JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 46 / 2024

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Memasang
Baharu CCTV Bertempat
Unit Bengkel Jabatan
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 77 / 2024

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Meratakan Dan
Menimbuk Tanah Bagi Gerai
Kampung Lumapas,
Mukim Lumapas, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh Tutup :
Selasa,
1 Oktober 2024
Jam 2.00
Petang



JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2425-QTN.03 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Buku Kupon
Prabayar Letak Kereta Jabatan
Bandaran Kuala Belait dan Seria
Bagi Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam :
24 September 2024 – Sabtu
(9.00 Pagi)



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 194 / 2024 / UPP

Keterangan :
The Provision Of The Cleaning
Services For Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha (RIPAS) Hospital,
Ministry Of Health, For A Period Of
Six (6) Months

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 195 / 2024 / SSBH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Comprehensive
Maintenance Services For
Schindler Lifts At Block R, Suri Seri
Begawan Hospital, Kuala Belait For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 196 / 2024 / DSS

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install, Test
And Commission One (1) Unit
Of Microbalance For Pipette
Calibration For Department Of
Scientific Services, Ministry Of
Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 197 / 2024 / DSS (TC)


Keterangan :
To Supply And Deliver Organic
Chemicals For Department Of



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery
Of VHF Radio T6T Transmitter
And T6R Receiver At Puni
For Air Traffic Service Centre
ATELS / 2024 / SH-21

Tarikh Tutup :
Rabu,
16 Oktober 2024
Tidak lewat
Jam 2.00
Petang



Scientific Services, Ministry Of
Health For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 198 / 2024 / MOH (TC)

Keterangan :
Car Rental Services For The
Ministry Of Health For A Duration
Of Seven (7) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 199 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan :
The Provision Of Security Services
At Pharmaceutical Services Kg
Madaras For A Period Of Three (3)
Years

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong:**

Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Pasukan Polis
Diraja Brunei
Di Bahagian Pelesenan Agensi
Pengawalan Keselamatan

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 196 / 2024 / DSS

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install, Test
And Commission One (1) Unit
Of Microbalance For Pipette
Calibration For Department Of
Scientific Services, Ministry Of
Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 197 / 2024 / DSS (TC)

Keterangan :
To Supply And Deliver Organic
Chemicals For Department Of





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III sahaja

Kategori:
KA01 (Kod Baharu)

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 013 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Rutin Di Sepanjang Jalan Utama dan Kecil Di Mukim Kuala Belait dan Kuala Balai Dalam Tempoh 24 Bulan.

No. Projek :
2024ADKB / 2016 / 002-001-005

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 014 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Rutin Di Sepanjang Jalan Utama dan Kecil Di Mukim Seria Dalam Tempoh 24 Bulan

No. Projek :
2024ADKB / 2106 / 002-001-004

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

3. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 015 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Rutin Di Sepanjang Jalan Utama dan Kecil Di Mukim Liang Dalam Tempoh 24 Bulan

No. Projek :
2024ADKB / 2106 / 002-001-003

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

4. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 016 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Rutin Di Sepanjang Jalan Utama dan Kecil Di Mukim Bukit Sawat Dalam Tempoh 24 Bulan

No. Projek :
2024ADKB / 2106 / 002-001-002

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 06 / 2024 -
2025

Keterangan:
Membekal, Menghantar dan Menguji Perkakas, Peralatan dan Bahan-Bahan Kimia Bagi Makmal Sains Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Bersara Pada Tahun 2022

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
21 Rabiulawal 1446H / 25
September 2024M
Tidak lewat
jam 2.00
Petang



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Divisyen Pengurusan Korporat
Kementerian Pembangunan

Bilangan Sebut Harga:
KPN / PR / 6 PT.VII

Membekalkan (i) Certificate dan (ii) Certificate Holder Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Yang Bersara Pada Tahun 2022

Bayaran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu,
11 September 2024

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**
Sabtu,
21 September 2024

Tarikh Tutup:
Isrin,
23 September 2024
Jam: Sebelum 9.00 Pagi



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 /
T / IL / 001 [JPPK / LTK / 03 / 2024]
Structural Assessment Of Various
Buildings At Penanjong Garrison
(Civil And Structural Services)

Tarikh Mula Tawaran:
17 September 2024

Kelas:
III dan ke atas sahaja

Kategori:
KA01, B01 KPB11 dan KPB18

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (3) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu Selasa, 1 Oktober 2024

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 /
T / IL / 001 [JPPK / LTN / 15 / 2024]
Remedial Works For Coastal

Erosion At Retaining Wall, Serasa Sports Complex

Tarikh Mula Tawaran:
17 September 2024

Kelas:
III dan ke atas sahaja

Kategori:
KA01 dan KA02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan (8) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu Selasa, 1 Oktober 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Oktober 2024
2.00 Petang



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI



KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Bilangan Sebut Harga :
MOFE / UPS / Q / 2024 -2

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Barang Alat Tulis Bagi Kegunaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Selama Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup :
Sabtu,
21 September 2024
Jam 2.00
Petang

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



IKLAN



Pusat Persidangan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Bilangan Sebut Harga:
MFA / ICC / CFC24

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Penyewaan Dan Pengurusan "The Cafeteria Courtyard" Di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Bagi Tempoh Selama Dua (2) Tahun

Kategori:
Sijil Pendaftaran Syarikat

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 16 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



JPt / TAW / 11 / 2024 – 2025 : Supply And Deliver Of One (01) Unit New Passenger Van For The Department Of Agriculture And Agrifood.

Yuran Tawaran :
BND10.00

Borang Tawaran :
BND15.00

Tarikh Tutup :
Selasa,
8 Oktober 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Sebut Harga Kementerian Kewangan Dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga :
MOFE / UPAH / Q / 2024 – 4

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Pembekalan dan Pemasangan 2 Set Automated Gate Barrier Di Letak Kereta Bertingkat L1A Dan L1B, Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Yuran Tawaran / Dokumen :
Percuma

Tarikh Tutup :
Sabtu, 12 Oktober 2024
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 170 / 2024 / JPR (TC)

Keterangan :

The Establishment of Renal Dialysis Centre at Mukim Berakas (A or B) For Department of Renal Services, Ministry of Health for a Period of Ten (10) Years

Yuran Tawaran:
BND5,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 171 / 2024 / JPR (TC)

Keterangan:

The Establishment of Renal Dialysis Centre At Mukim Liang for Department of Renal Services, Ministry of Health for a Period of Ten (10) Years

Yuran Tawaran:
BND5,000.00

Tarikh Tutup Tawaran:
15 Oktober 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Makluman Tarikh Lanjutan

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / BOL / 002 [JPPK / LTN / 20 / 2023] Proposed Design and Build of New Building for Judge Advocate General's Office at Bolkiah Garrison

Kelas:
V dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima Belas (15) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu Selasa, 27 Ogos 2024.

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Kepada:
Selasa,
24 September 2024
2.00 Petang



Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV, V, VI

Kategori:
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
1 Oktober 2024

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 29 / CQS / 2024-T / V

Nama Projek:
Projek Pembinaan Dua Belas (12) Buah Rumah Bantuan Di Daerah Tutong Zon A

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 29 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JPt / TAW / 12 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Brunei Muara Zon A bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

JPt / TAW / 13 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Brunei Muara Zon B bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

JPt / TAW / 14 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Tutong bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

JPt / TAW / 15 / 2024-2025:
Pemeliharaan Saliran Ladang bagi Kawasan Kemajuan Pertanian di Daerah Temburong bagi Tempoh Dua (2) Tahun.
(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
8 Oktober 2024
tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV, V

Kategori:
KPB01 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 29 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek:
Projek Pembinaan Lapan (08) Buah Rumah Bantuan di Daerah Brunei Muara Zon A

Kelas:
IV, V

Kategori :
B01 - Kod Baharu
Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)
Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 30 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek:
Projek Pembinaan Lapan (08) Buah Rumah Bantuan di Daerah Brunei Muara Zon B
Kelas :
IV, V

Kategori :
B01 - Kod Baharu
Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 31 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek:
Projek Pembinaan Enam (06) Buah Rumah Bantuan di Daerah Belait Zon A
Kelas :
I & II

Kategori :
B01 - Kod Baharu
Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 32 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Projek Pembinaan Satu (1) Buah Rumah Bantuan di Daerah Belait Zon B

Kelas :
IV, V & VI
Kategori :
B01 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 33 / CQS / 2024-T / V

Nama Projek:
Projek Pembinaan Sembilan (9) Buah Rumah Bantuan di Daerah Temburong Zon A

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
1 Oktober 2024
Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



مجالس علم ٢٠٢٤

MAJLIS ILMU 2024

سمبوتن قراياءن هاري كثوتاءن بكاوه دولي يعهمها مليا ثادك سري بكندا سلطان دان يعده قرتوان
نكارابروني دارالسلام لـ ٧٨٠ تاهون

مناغني بحالا مينتل

MENANGANI GEJALA MENTAL

MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2024

Rabu | 14 Rabiulawal 1446H bersamaan 18 September 2024M
Bermula 8.00 pagi

FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2024

Khamis | 15 Rabiulawal 1446H bersamaan 19 September 2024M
Bermula 8.00 pagi

CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2024

Sabtu | 17 Rabiulawal 1446H bersamaan 21 September 2024M
Bermula 8.45 pagi

PAMERAN MAJLIS ILMU 2024

14 hingga 29 Rabiulawal 1446H | 18 September hingga 3 Oktober 2024M
(Pameran terbuka bagi kunjungan orang ramai)

**BERTEMPAT: PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Penganjur Bersama



PROGRAM SUA MUKA BARIGAKAN MAKLUMAT, DASAR KERAJAAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



BELAIT, Selasa, 17 September. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Lumut II, Mukim Liang, Daerah Belait bertempat di Bilik Sungai Tali, Liang Lumut Recreation Club (LLRC), Jalan Pantai Lumut, di sini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Saadiatul Aqilah binti Haji Jaman. Turut hadir menyampaikan maklumat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Air dan DST Network Sdn. Bhd. (DSTN).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah semasa mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Lumut II, Mukim Liang, Daerah Belait (atas dan kiri).

dalam menyampaikan apa juu maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan.

Antara lain landasan tersebut ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei dan salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat serta mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada

perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Khairdon bin Haji Dahlan dalam ucapan balas antara lain iaitu menyambut baik program berkenaan yang setentunya dapat memberikan manfaat dan peluang keemasan kepada penduduk kampung berkenaan untuk mendengar maklumat-maklumat terkini yang disampaikan oleh agensi-agensi kerajaan dalam mengungkayahkan penyelesaian tentang beberapa isu yang dikemukakan dan perlu diketahui oleh penduduk kampung.

Di samping itu, ia juga dapat

memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung untuk bertukar fikiran dan pandangan serta sebagai salah satu platform mencambah fikiran dalam usaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan kampung dan juga Negara Brunei Darussalam.

Adalah diharapkan program seumpama ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa. Program Sua Muka turut diisikan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan alam sekitar, keselamatan dan kecemasan, prasarana dan kemudahan awam serta hal-hal lain.



MINDA PEMBACA

Awasi pergaulan anak-anak

DALAM era globalisasi yang pesat, anak-anak terdedah kepada pelbagai pengaruh luar yang boleh memberi kesan besar kepada perkembangan mereka. Oleh itu, adalah amat penting bagi ibu bapa untuk sentiasa mengawasi pergaulan anak-anak demi memastikan mereka berada dalam persekitaran yang positif dan selamat. Pertama sekali, pengaruh rakan sebaya memainkan peranan besar dalam pembentukan sahsiah dan tingkah laku anak-anak. Anak-anak mudah terpengaruh dengan rakan-rakan, terutama dalam usia remaja yang sering kali ingin diterima oleh kelompok sosial mereka. Sekiranya mereka bergaul dengan rakan yang berakhlaq baik, ini akan membantu membentuk

sikap positif dalam diri mereka. Sebaliknya, jika mereka bergaul dengan rakan yang bermasalah atau terlibat dalam aktiviti negatif seperti merokok atau melepak tanpa tujuan, mereka mungkin terjebak dalam tingkah laku yang tidak sihat.

Selain itu, dengan kemajuan teknologi, pergaulan anak-anak kini tidak lagi terbatas kepada interaksi fizikal sahaja. Media sosial dan permainan dalam talian memberi peluang kepada anak-anak untuk berhubung dengan orang lain, termasuk mereka yang tidak dikenali. Ibu bapa perlu memantau aktiviti dalam talian anak-anak untuk memastikan mereka tidak terlibat dengan individu atau kumpulan yang boleh memberi pengaruh buruk, seperti buli siber atau

pendedahan kepada kandungan tidak sesuai.

Di samping itu, ibu bapa perlu membina komunikasi yang baik dengan anak-anak. Dengan mendengar dan memahami perasaan serta masalah anak-anak, ibu bapa dapat memberi nasihat dan panduan yang diperlukan. Anak-anak yang mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa cenderung untuk berkongsi tentang pergaulan mereka dan lebih terbuka kepada bimbingan.

Tambahan pula, ibu bapa juga harus menggalakkan anak-anak terlibat dalam aktiviti yang membina, seperti sukan, seni, atau kegiatan kesukarelawanan. Aktiviti sebegini bukan sahaja membantu anak-anak mengembangkan bakat

mereka, tetapi juga mempertemukan mereka dengan rakan-rakan yang positif dan berdisiplin.

Kesimpulannya, mengawasi pergaulan anak-anak adalah tanggungjawab penting bagi ibu bapa. Dengan mengambil langkah-langkah proaktif seperti memantau rakan sebaya, aktiviti dalam talian, membina komunikasi yang baik, dan menggalakkan penglibatan dalam aktiviti positif, ibu bapa dapat membantu membentuk anak-anak yang berakhlaq mulia dan bertanggungjawab. Ini bukan sahaja memastikan perkembangan anak-anak yang sihat, tetapi juga membina generasi yang mampu menyumbang kepada masyarakat secara positif.

Nama : Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf
No. K/P : 01-135XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperluas Rangkaian Industri Halal'. Tarikh Tutup : 18 September 2024

2. 'Hargai Warga Perkhidmatan Awam'. Tarikh Tutup : 25 September 2024

3. 'Tingkat Kesedaran Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024

Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

AQH : PLATFORM MENYEDIAKAN PEMBELAJARAN AL-QURAN KOMPREHENSIF

Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 September. - Akademi Quran Al-Huzaify dan Program Tanweer Taibah 2024 / 2025 berlangsung di HiTUNE, Hit Space Training Room, Bangunan PA Rafeah, Kampung Mata-Mata.

PELANCARAN Akademi Quran Al-Huzaify dan Program Tanweer Taibah 2024 / 2025 berlangsung di HiTUNE, Hit Space Training Room, Bangunan PA Rafeah, Kampung Mata-Mata, di sini.

Program berkenaan dirancang untuk memberi pengalaman kerohanian dan memperkuuh pertumbuhan agama para peserta yang akan dikendalikan oleh asatizah yang berpengalaman sekali gus memberi impak yang besar kepada peserta untuk menyumbang kepada perkembangan kerohanian mereka.

Pengiran Zamri melahirkan keyakinan bahawa usaha AQH Brunei ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam menyokong usaha bagi memajukan pendidikan Al-Quran di Negara Brunei Darussalam.

AQH juga memperkenalkan Program Khas Tanweer Taibah 2024 / 2025 yang menawarkan peluang kepada peserta untuk mengaji Al-Quran di Masjid Nabawi Madinah dan menunaikan umrah di Mekah.

Pelancaran AQH Brunei dan Program Tanweer Taibah 2024 / 2025 disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang berlangsung di HiTUNE, Hit Space Training Room,

JBP rekod 92 panggilan kecemasan



JABATAN Bomba dan Penyelamat melalui Pusat Gerakan telah menerima sebanyak 72 panggilan pokok tumbang dan 20 panggilan atap terbang dari seluruh negara (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 September. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Pusat Gerakan telah menerima sebanyak 72 panggilan pokok tumbang dan 20 panggilan atap terbang dari seluruh negara.

Panggilan kecemasan direkodkan bagi tempoh 24 jam sehingga jam 6.00 petang tadi. Orang ramai bolehlah menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 untuk melaporkan sebarang kecemasan. JBP menyeru orang ramai untuk sentiasa mengetahui keadaan cuaca dari semasa ke semasa.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Ketam Telur Masin Kampung Sengkurong

BAHAN-BAHANNYA :

1 kilogram ketam
10 biji telur masin direbus dan ambil kuningnya sahaja
5 ulas bawang putih
1/2 tin susu cair
1 sudu besar mentega
Daun kari secukupnya
1 helai daun pandan dipotong sederhana kecil
Lada padi ikut tahap kepedasan masing-masing

CARA MEMASAK :

Ketam dibersihkan dengan menggunakan berus bagi menghilangkan kotoran di badan ketam. Setelah itu potong jemari ketam dengan menggunakan gunting. Kemudian pisahkan badan ketam dan cuci dengan berhati-hati tanpa membuang telurnya.

Ketam yang telah dibersihkan dikukus selama 10 minit.

Kuning telur masin dikisar bersama bawang putih bersama sedikit air.

Panaskan kuali dan masukkan mentega. Setelah panas masukkan bahan-bahan yang dikisar tadi sehingga mendidih. Masukkan lada padi yang dipotong halus bersama daun kari. Masukkan sedikit gula, serbuk perasa, secubit garam, susu cair dan setengah gelas air. Kacau sehingga sebatik. Apabila mendidih tutup api.

Susunkan ketam di dalam bekas dan tuangkan kuah tadi sehingga meliputi semua ketam berkenaan.

Warisan

Senapang Pek, Rising, permainan warisan yang kini pupus

Rencana dan Foto :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

MENJAGA dan memelihara permainan tradisi Brunei amatlah dititikberatkan kerana hanya dengan melakukan hal sedemikian ia dapat membantu kita dalam mempertahankan warisan yang telah lama dipraktikkan sejak zaman nenek moyang kita lagi. Di negara kita Brunei Darussalam sendiri, pelbagai acara dan program turut diadakan di dalam usaha untuk memperkenalkan permainan warisan *kitani* yang kini semakin ditelan zaman dan tidak begitu dikenali dan dipraktikkan oleh generasi muda kita sekarang.

Permainan tradisi adalah merupakan sebahagian daripada warisan tradisi yang

dicipta oleh masyarakat zaman dahulu dan diwarisi daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Akan tetapi, kebanyakan permainan tradisi ini sudah mula tenggelam ditelan oleh arus kemodenan dan dengan kewujudan permainan moden yang serba canggih dan bentuk yang lebih menarik yang mengakibatkan permainan warisan kita dipinggirkan.

Warisan kali ini akan memperkenalkan salah satu lagi permainan iaitu permainan Senapang Pek.

Pengenalan Senapang Pek

Senapang Pek atau juga dipanggil Senapang Pok adalah sejenis permainan senapang yang diperbuat daripada buluh. Diperbuat menggunakan buluh kecil kira-

kira 45 sentimeter panjang dan 15 milimeter diameter. Terdapat juga ukuran besar dan ini tertakluk kepada kemahiran pembuatnya dan apa tujuan Senapang Pek tersebut dicipta.

Di bahagian tengah-tengah atas buluh diberi lubang panjang sebagai tempat untuk memasukkan peluru, manakala bahagian bawahnya pula ditebus lubang bulat sebagai tempat penahan pemicu. Manakala pelurunya menggunakan Buah Bonglai atau mana-mana biji buah yang bersesuaian.

Cara-cara permainan Senapang Pek

Permainan Senapang Pek ini boleh dimainkan oleh yang berusia 12 hingga 18 tahun dan jumlah pemain pula sekurang-kurangnya dua orang (sesuai untuk remaja lelaki) dan kebiasaannya ia dimainkan di kawasan luar rumah. Cara permainannya pula ialah dengan memasukkan biji peluru sebiji setiap kali hendak menembak sasaran. Kemudian isikan lagi satu demi satu peluru apabila diperlukan. Permainan ini juga boleh dimainkan secara berpasukan mahupun berdua iaitu satu lawan satu.

Pengenalan Rising / Ajong

Permainan seterusnya ialah permainan Rising. Permainan Rising diambil daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *racing* yang bermaksud berlumba dan ia juga dikenali sebagai permainan Ajong.

Permainan ini dipelopori oleh anak-anak remaja yang tinggal di Kampong Ayer. Rising adalah sejenis permainan yang diperbuat daripada kayu papan yang diraut dan dibentuk seperti pengayuh kecil berbentuk 'T'. Permainan ini akan dicat atau diwarnai dengan cat *varnish* agar ia dapat menggelongsor atau biasanya disebut *mendasur* dengan laju dan jauh di atas air. Ia dimainkan dengan cara menggelongsorkannya di atas permukaan air sungai yang masih surut iaitu ketika paras air sungai berada di paras buku lali hingga ke

paras pinggang pemain.

Permainan ini tidak dapat dimainkan ketika air pasang pada kedalaman melebihi paras pinggang kerana susah untuk didasarkan jika tangan pemain berada pada paras dada dan permainan tersebut tidak dapat bergerak jauh serta susah untuk mendapatkannya semula apabila tenggelam di dalam air yang terlalu dalam.

Sepertimana permainan kikik yang bermusim, permainan rising ini juga dimainkan ketika musim-musim tertentu seperti hujung minggu atau ketika cuti sekolah. Namun begitu, paling utama waktu bermain Rising tersebut adalah pada waktu lapang asalkan air tidak dalam atau sedang pasang.

Cara permainan Rising

Ia boleh dimain oleh kanak-kanak berusia 12 tahun hingga dewasa dan jumlah pemain pula ialah dua orang atau lebih di atas air.

Permainan ini dipegang di tangan dan dihayunkan sekutu tenaga di atas air sehingga ia menggelongsor / mendasur dengan laju dan berhenti atau tenggelam jauh dari tempat bermula. Tempat bermula akan ditanda dan pelumba-pelumba atau pemain-pemainnya hendaklah menggelongsorkan kayu Rising tersebut secara bersamaan masa dan tidak boleh melewati garis yang ditetapkan untuk bermula. Rising yang berhenti atau tenggelam paling jauh akan dikira sebagai pemenang.

Kesimpulannya, memandangkan kita sudah berada pada zaman globalisasi dan IT, populariti permainan tradisional agak terhambat. Oleh itu, pendekatan yang sesuai adalah perlu bagi memartabatkan seni permainan tradisional di negara ini kerana ini penting agar generasi akan datang tidak memandang sinis terhadap permainan tradisi yang kita warisi daripada nenek moyang kitani.



Ilmu tentang jiwa (mental) ilmu penting pada zaman selepas zaman Rasulullah

MASALAH kesihatan mental antara isu kesihatan awam yang menjadi semakin penting dan perlu menumpukan usaha untuk menggalakkan gaya hidup sihat serta mengesan, mencegah dan bertindak balas terhadap wabak atau jangkitan penyakit.

Bagaimanapun, isu kesihatan mental sering menjadi antara punca utama yang menjelaskan kesejahteraan fizikal dan sosial seseorang individu. Hal ini menjadikan penjagaan kesihatan mental amat penting untuk mencapai matlamat kesihatan awam.

Antara sebab yang menyumbang kepada masalah tersebut termasuklah masalah kewangan disebabkan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, ketidakseimbangan dalam pekerjaan dan kehidupan ataupun *work-life imbalance*, masalah penderaan, masalah buli, di tempat kerja dan lain-lain.

Menurut statistik pada tahun 2023, dicatatkan seramai 11,231 orang yang sedang menjalani rawatan di perkhidmatan psikiatri dan psikologi, dan kebanyakannya daripada jumlah ini adalah terdiri daripada perempuan. Gejala mental yang paling tinggi dilaporkan adalah penyakit kemurungan dan kebimbangan. Manakala dari segi statistik, isu kejadian membunuh diri direkodkan lebih tinggi terjadi dalam kalangan lelaki.

Pada tahun ini, Majlis Ilmu 2024 turut memberikan perhatian serius dengan temanya 'Menangani Gejala Mental' yang mana tema pada tahun ini lebih menyentuh kepada kesihatan fizikal dan mental. Seperti yang kita sedia maklum, kesihatan merupakan anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan dengan tema ini juga, Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Pelita Brunei juga berkesempatan menemu bual Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan mengenai dengan gejala mental dan apa yang dimaksudkan dengan kesihatan mental.

Definisi kesihatan mental

Menurut keterangan Dayang Nor Syahmun, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi definisi kesihatan mental sebagai tahap kesejahteraan mental seseorang individu di mana ia menyedari akan keupayaan atau potensi dirinya sendiri, mampu menyelesaikan masalah dan mengatasi tekanan kehidupan, boleh belajar



atau bekerja secara produktif serta boleh menyumbang kepada masyarakat. Mengikut Dayang Nor Syahmun, kesihatan mental boleh berubah-ubah mengikut situasi atau keadaan seseorang itu dan punca-punca/penyebab kepada berlakunya masalah kesihatan mental adalah *multi-factorial* – sama ada daripada punca biologikal, psikologikal atau sosial seperti berikut :

- Punca biologikal** termasuklah faktor genetik, kesusahan atau trauma semasa mereka kecil, gaya hidup tidak sihat, penyakit kronik dan pengambilan seperti dadah dan arak.
 - Punca psikologikal** pula termasuklah jenis personaliti atau keperibadian seseorang individu itu, kualiti hubungan ikatan individu (*attachment*), harapan daripada pihak keluarga, sekolah, tempat kerja atau masyarakat, trauma, masalah buli dan juga tahap kedadayaahan (*resilience*).
 - Punca sosial** pula termasuklah keganasan, bencana, tekanan sosioekonomi yang berterusan dan tekanan yang berlebihan di tempat kerja atau sekolah. Manakala, bagi jenis-jenis gejala mental, ianya termasuklah : gejala dari segi biologikal, psikologikal dan sosial.
- **Biologikal** : Gangguan tidur, gangguan kepada selera makan, gangguan kepada tahap tenaga, gangguan pada memori dan ingatan, kesihatan fizikal yang merosot, mengalami sakit-sakit sendi dan otot, sakit kepala atau gastrik yang kerap dan mengalami tanda gejala panik.
- **Psikologikal** : Termasuklah perubahan mood, berasa kemurungan atau mania, *beuri* (*anxiety*) yang berlebihan, gangguan pada fikiran, gangguan pada tahan kesabar, sentiasa rasa marah dan bertindak kasar / ganas, meracau, mengalami gangguan seperti halusinasi, merasa putus harapan sehingga berfikiran untuk membunuh diri atau mencederakan diri sendiri.
- **Sosial** : Fungsi seharian terjejas, tidak dapat menjaga diri sendiri, bersekolah atau bekerja, tidak dapat menjalankan hubungan dengan orang lain.

Rawatan secara spiritual / non-spiritual

Menurutnya, untuk masyarakat menangani masalah mental ini baik secara spiritual maupun *non-spiritual*, pencegahan dan

penjagaan adalah sangat penting. Dari segi ikhtiar spiritual, Dayang Nor Syahmun mensyorkan untuk :

- Menggalakkan kata-kata positif dan bersangka baik (*husnuzon*)
- Amalkan bersyukur / *gratitude*, konsep *acceptance* atau reda dan bertawakal
- Mendirikan solat lima kali sehari dan melaksanakan solat-solat sunat termasuklah Qiamullail
- Mengamalkan konsep *mindfulness* (*muraqabah*) atau introspeksi diri
- Meningkatkan amalan membaca Al-Quran, berzikir dan bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala
- Berpuasa - mengajarkan diri kita untuk bersabar dan mensyukuri nikmat Allah
- Mengamalkan strategi relaksasi seperti penafasan yang betul, *visualization*, senaman / riadah dan meditasi (sambil berzikir dan memuji kebesaran Allah)
- Bersedekah dan membantu orang lain.

Manakala dari segi ikhtiar *non-spiritual*, kita disyorkan untuk :

- Mengurangkan pemikiran, kepercayaan dan pertuturan yang negatif
- Mencari jalan yang praktikal dalam menangani situasi dan penyelesaian masalah
- Berkongsi dengan keluarga, kawan atau sesiapa yang dipercayai
- Jika masalah yang dialami serius dan mengganggu kelangsungan kehidupan seharian, awda mungkin perlu mendapatkan bantuan dan rawatan psikoterapi, kaunseling atau penggunaan ubat-ubatan daripada pakar-pakar profesional perkhidmatan kesihatan mental
- boleh menghubungi Talian Harapan 145 untuk sokongan kesihatan mental
- Kelilingi diri awda dengan sistem sokongan yang baik dan positif
- Tetapkan *boundaries* biskita
- Isikan masa lapang biskita dengan perkara yang berfaedah seperti melakukan hobi yang anda suka dan nikmati, bersukan dan beriadah dan lain-lain lagi.

Nasihat

Pada kesempatan ini juga, beliau turut memberikan kata-kata nasihat di mana penjagaan kesihatan mental sememangnya bukan hanya tanggungjawab yang terhad kepada agensi-agensi kerajaan yang tertentu malahan ianya adalah merupakan

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun



PenggunaBijak



bdcb.gov.bn

Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen.

Orang ramai juga boleh maklumkan pihak BDCB mengenai sebarang entiti / individu yang disyaki menawarkan perkhidmatan pinjaman wang tanpa lesen dengan menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di +673 8380007 atau e-mel fci@bdcb.gov.bn.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan domestik dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, juga sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di negara ini.

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengambil perhatian mengenai akaun Telegram yang menyamar sebagai BDCB serta menyalahgunakan logo BDCB untuk meminjamkan wang kepada orang ramai.

BDCB ingin menekankan bahawa BDCB tidak akan sekali-kali meminta wang daripada orang ramai dan ia juga tidak meminjamkan wang kepada orang ramai. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada terhadap sebarang entiti yang menipu dengan menyalahgunakan nama dan logo BDCB untuk memperdayakan mangsa mereka.

Pihak BDCB juga ingin menekankan bahawa sesiapa yang menggunakan nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, reka bentuk atau gambaran BDCB yang bertujuan sama ada untuk memperdaya, menipu, menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya, menipu atau menyebabkan kekeliruan adalah merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010 dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi

BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini, BDCB ingin menasihatkan orang ramai untuk tidak berurus dengan sebarang entiti dalam talian tidak berlesen yang menawarkan perkhidmatan kewangan.

Orang ramai yang ingin membuat pinjaman atau pembentangan kewangan dinasihatkan untuk hanya berurus dengan bank-bank dan syarikat kewangan yang berlesen. Senarai institusi-institusi kewangan yang dilesenkan oleh BDCB serta BDCB Alert List boleh didapati di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn.

Orang ramai dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja

PERARAKAN MAULUD PUPUK KESEDARAN, KENANG PENGORBANAN RASULULLAH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar



TIMBALAN Yang Dipertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya, Awang Haji Noor Ishanuddin bin Haji Noor Kaseh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 September.- Segenap lapisan rakyat dan penduduk lelaki di daerah ini sejak awal pagi lagi

sudah membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara bagi mengikuti perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Perarakan berkenaan adalah bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah.

Sehubungan itu, Pelita Brunei pagi tadi berkesempatan untuk menemu bual beberapa peserta perarakan berkenaan.

Awang Haji Noor Ishanuddin bin Haji Noor Kaseh yang merupakan Timbalan Yang Dipertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) semasa ditemu bual menzhirkkan rasa gembira kerana sekali lagi diberikan kesempatan untuk mengikuti perarakan pada tahun ini.

Jelasnya, perarakan berkenaan adalah untuk meriah rahmat dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala serta memupuk kesedaran

dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

"Alhamdulillah, kesempatan inilah yang ditunggu-tunggu dalam sama-sama meraikan Hari Kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," tambahnya lagi.

Manakala Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Pengiran Hassan Basri

KETUA Kampung Masin, Awang Mohd. Muaz Hafizuddin bin Moksin.

bin Pengiran Haji Ismail semasa ditemu bual turut menzhirkan rasa syukurnya kerana sekali lagi diizinkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyertai perarakan berkenaan.

Jelasnya lagi, ini adalah kali pertama beliau menyertai perarakan berkenaan setelah pandemik COVID-19 yang lalu.

"Alhamdulillah, dengan adanya perarakan seperti ini, sama-sama lah kita menunjukkan rasa cinta kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengajak para belia untuk turut serta menyemarakkan suasana majlis ini," terangnya lagi.

Sementara itu, Ketua Kampung Masin, Awang Mohd. Muaz Hafizuddin bin Moksin dalam temu bualnya menjelaskan rasa gembira kerana sekali lagi berkesempatan untuk menyertai perarakan berkenaan.

Terangnya, tahun ini merupakan



kali ke-10 beliau menyertai perarakan berkenaan yang mana menurutnya ada dari zaman sekolah lagi.

"Saya berasa sangat teruja untuk mengikuti perarakan pada tahun ini kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut serta yang mana ia menguatkan lagi semangat kami untuk menyertai perarakan," tambahnya lagi.

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi.
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

! Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.

ALAI PINTAR

SOALAN 133

SOALAN 18 SEPTEMBER 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

- Di mana letaknya Muzium Alat Kebesaran Diraja?
 - Daerah Tutong
 - Jerudong
 - Bandar Seri Begawan
- Apa yang dimaksudkan dengan perumpamaan 'seperti lipas kudung'?
 - Selalu gelisah
 - Selalu bergerak dengan cepat
 - Selalu bertengkar
- $_____ + 1405 = 23\ 601$
 - 22 196
 - 22 000
 - 22 200

TARIKH TUTUP : 28 SEPTEMBER 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI BND40.00

PEMENANG ALAI PINTAR 132

Nama : Ak. Muhd. Harraz Rasydan Pg. Linong
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0126558. Sekolah : Sekolah Sunshine

Nama : Abdul Muzhaffar Haziq bin Abdul Hanis
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134297-01. Sekolah : Sekolah Learning Tree

Nama : Haziqah Nur Nadhirah binti Ismail
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0116936-01. Sekolah : Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah, Bandar Seri Begawan

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan

2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :

Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 132

1. A – 8 300
2. A – Orang yang banyak bercakap
3. A – Pendengaran

Meta sekat akaun RT, Rossiya Segodnya di platformnya

NEW YORK, 17 Sept. - Meta Corporation menyekat akaun beberapa saluran media Rusia di platformnya, termasuk RT dan kumpulan media Rossiya Segodnya, lapor Agensi Berita Rusia, TASS, memetik NBC.

"Selepas pertimbangan yang teliti, kami memperluas tindakan penguatkuasaan terhadap saluran

media milik kerajaan Rusia. Rossiya Segodnya, RT dan entiti lain yang berkaitan kini dilarang daripada menggunakan aplikasi kami secara global atas aktiviti campur tangan asing," kata jurucakap Meta dalam satu kenyataan.

Meta masih belum memberikan maklum balas kepada permintaan TASS untuk mengulas lanjut.

Pada 4 Sept lalu, Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) mengumumkan bahawa ia mengenakan sekatan ke atas ketua pengarang saluran TV RT, Margarita Simonyan dan dua timbalannya.

Selain itu, Jabatan Negara AS turut mengetatkan peraturan berkenaan kerjasama dengan kumpulan media

Rossiya Segodnya, RIA Novosti, RT, TV-Novosti, Ruptly dan Sputnik.

- ©BERNAMA

FERI PENUMPANG KE LANGKAWI KANDAS DI BETING PASIR

ALOR SETAR, 16 Sept. - Sebuah feri membawa 567 penumpang ke Langkawi terkandas di Beting Pasir berikutan angin kencang di kedudukan 0.5 batu nautika dari Kuala Perlis, Perlis hari ini.

Pengurus Sumber Manusia dan Operasi Konsortium Ferry Line Ventures Sdn. Bhd., Kapten Baharin Baharom berkata feri terbabit berlepas dari Terminal Jeti Penumpang Kuala Perlis pada 2.30 petang tadi.

"Kerja-kerja memindahkan penumpang dari feri ke terminal jeti sedang diusahakan,

bagaimanapun keadaan mungkin sukar.

"Ketika ini kita minta penumpang untuk berada di bahagian belakang feri sebab feri ini besar dan situasi ini sedang dipantau oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata usaha untuk membawa 567 penumpang itu ke Terminal Jeti Penumpang Kuala Perlis akan diteruskan pada 8 malam ini sebaik air pasang.

Baharin berkata tiga trip feri dari Terminal Jeti Penumpang Kuala

Kedah menuju ke Langkawi, hari ini yang membawa 679 penumpang juga terpaksa berpatah balik disebabkan ribut dan angin kencang di perairan Kuala Kedah.

Beliau berkata feri terlibat ialah bagi perjalanan pada 1.30 tengah hari yang membawa 120 penumpang, 2.00 petang (149 penumpang) dan 2.30 petang (410 penumpang).

Kesemua penumpang katanya telah dipulangkan kos tiket dan ada yang menukar perjalanan feri seterusnya. - ©BERNAMA

Zon bebas komprehensif Zhongguancun mulakan operasi

BEIJING, 16 Sept. - Kumpulan kargo pertama berjaya meluluskan prosedur kastam dan dibawa ke Zon Bebas Komprehensif Zhongguancun Beijing pada mutakhir ini, dan ia sekali gus menandakan zon bebas komprehensif terbabit secara rasmi memulakan operasinya.

Sebagai zon bebas komprehensif pertama yang berteraskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di China, Zon Bebas Komprehensif Zhongguancun Beijing telah meluluskan prosedur oleh tujuh jabatan kerajaan termasuk

Pentadbiran Am Kastam China (GACC).

Sekarang, zon bebas itu menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk e-dagang rentas sempadan, pembiayaan dan penyewaan, perisian bertaraf tinggi dan lain-lain.

Dengan adanya 'pagar elektronik', iaitu mod penyeliaan pintar, kargo dari luar negara dapat meluluskan prosedur kastam dengan pantas sehingga dalam beberapa saat sahaja.

Sehingga kini, terdapat lapan syarikat dari sektor litar bersepada, perubatan dan kesihatan, bahan

baharu, tenaga pada masa depan dan lain-lain telah berdaftar untuk membuka pejabat di zon bebas berkenaan.

Berteraskan fungsi R&D, Zon Bebas Komprehensif Zhongguancun akan memperkasakan kemandirian sains dan teknologi bertaraf tinggi pada masa yang akan datang, menumpukan pembangunan rantaian inovasi dan rantaian perindustrian, supaya menjadikan zon itu sebagai platform kerjasama kuasa produktif kualiti baharu di peringkat global. - ©BERNAMA

8 diselamatkan selepas bot nelayan terbalik di pantai barat Korea Selatan

SEOUL, 16 Sept. - Kesemua lapan orang di atas bot nelayan yang terbalik di luar pantai barat Korea Selatan berjaya diselamatkan, lapor Xinhua memetik laporan Agensi Berita Yonhap, merujuk pengawal pantai.

Kapal nelayan seberat 35 tan itu terbalik di bandar pelabuhan barat

Gunsan kira-kira 7:36 pagi waktu tempatan (2236 GMT Ahad).

Kesemua mangsa di atas kapal malang itu diselamatkan ketika pengawal pantai menghantar helikopter dan kapal peronda ke tempat kejadian untuk operasi menyelamat.

Presiden Korea Selatan Yoon

Suk-yeol segera mengarahkan menteri lautan dan perikanan serta ketua pengawal pantai untuk menyelamatkan mangsa dengan mengerahkan semua kakitangan dan peralatan yang ada selepas menerima laporan mengenai kemalangan itu, menurut pejabat presiden. - ©BERNAMA

ADB sokong Bangladesh dalam pembaharuan struktur utama

DHAKA, 16 Sept. - Bank Pembangunan Asia (ADB) mengumumkan komitmennya untuk membantu kerajaan sementara Bangladesh dalam melaksanakan pembaharuan struktur penting, lapor Xinhua.

Pemberi pinjaman yang berpangkalan di Manila itu menyatakan kesediaannya untuk membantu ekonomi Asia Selatan yang sedang dilanda krisis, ketika delegasi kanan ADB diketuai Ketua Pengarah Asia Selatannya,

Takeo Konishi, mengadakan pertemuan dengan Ketua Penasihat, Muhammad Yunus daripada kerajaan sementara Bangladesh di Dhaka pada Ahad.

Pegawai kanan ADB itu berkata bank itu mempunyai sejarah panjang bekerja di Bangladesh dan berminat untuk menyokong kerajaan sementara memulakan pembaharuan struktur penting di negara itu.

Yunus memaklumkan delegasi

ADB bahawa mereka berada dalam situasi sifar. "Segalaganya perlu dilakukan secepat mungkin."

Sebagai sebahagian daripada usahanya untuk mereformasi Bangladesh, Yunus pada Rabu mengumumkan bahawa kerajaan memutuskan membentuk enam suruhanjaya untuk mereformasi badan kehakiman, sistem pilihan raya, pentadbiran, polis, suruhanjaya antirasuah dan perlombagaan. - ©BERNAMA

KKM kesan satu kes positif Mpoxy

PUTRAJAYA, 17 Sept. - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan kes positif cacar monyet atau mpox varian clade II di negara ini, semalam. Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata kes berkenaan dikesan daripada 58 kes disyaki mpox yang telah dirujuk kepada KKM sepanjang tahun ini.

Beliau berkata pesakit berkenaan merupakan seorang lelaki warga tempatan yang mula menunjukkan gejala demam, sakit tekak dan batuk pada 11 Sept lepas manakala ruam mula muncul pada 12 Sept.

Dr Muhammad Radzi berkata individu yang sedang dalam isolasi itu tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul dan kini berada dalam keadaan stabil.

"Semua kontak bagi pesakit ini sedang dikenal pasti dan status kesihatan mereka akan dipantau mengikut tatacara kendali piawai (SOP) semasa yang ketat," katanya dalam kenyataan hari ini. Beliau berkata sejak 26 Julai 2023, terdapat 10 kes mpox yang direkodkan di negara ini adalah dari varian clade II sahaja.

Menurut Dr Muhammad Radzi, bilik gerakan mpox yang diaktifkan pada 16 Ogos lepas di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan sentiasa memantau situasi mpox serta menyelaraskan pelbagai langkah kesiapsiagaan serta respons yang berkenaan.

"Bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan membolehkan orang ramai memainkan peranan dengan meningkatkan kawalan kesihatan kendiri, KKM meneruskan hebahan melalui pelbagai saluran media massa dan media sosial," katanya. - ©BERNAMA

Shanghai siap siaga hadapi taufan terkuat sejak 1949

BEIJING, 16 Sept. - Taufan Bebinca mendarat di Shanghai pada pagi Isnin, menjadikannya taufan terkuat melanda bandar itu sejak 1949, menurut Pentadbiran Meteorologi China (CMA), lapor Sputnik.

Ribut itu membawa hujan lebat, angin kencang dan gangguan besar kepada kehidupan sehari-hari di timur China, menyebabkan langkah kecemasan dan usaha pemindahan dilaksanakan. Pihak berkuasa memantau rapi keadaan itu memandangkan Taufan Bebinca meneruskan laluannya ke pedalaman, dengan potensi banjir berleluasa dan kerosakan selanjutnya.

Taufan Bebinca tiba di Shanghai pada 7:30 pagi Isnin (23.30 GMT Ahad), dengan kelajuan angin maksimum mencecah 42 meter sesaat.

"Bebinca mengatasi Taufan 4906 Gloria dan menjadi taufan terkuat yang sampai ke Shanghai sejak 1949," kata CMA dalam kenyataan.

Dijangkakan Bebinca akan terus bergerak ke barat-barat laut pada kelajuan kira-kira 25 kilometer sejam, secara beransur-ansur lemah dan pada malam, 17 September, ia akan menjadi depresi tropika di kawasan antara wilayah Anhui dan Henan.

Terdahulu, CMA mengeluarkan tahap amaran merah tertinggi berhubung taufan itu.

Lapangan terbang Shanghai Pudong dan Hongqiao membatalkan semua penerbangan pada Ahad selepas 8 malam waktu tempatan sehingga 2 petang Isnin. Lapangan Terbang Ningbo juga menghentikan operasi penerbangan, dan penerbangan dijangka bersambung semula pada 11.30 pagi Isnin. Selain itu, perkhidmatan kereta api penumpang di beberapa laluan Kereta Api Delta Sungai Yangtze digantung. Lebuhraya di Shanghai ditutup atau terkawal, dan had laju 40 kilometer sejam ditetapkan di jalan raya. - ©BERNAMA

Hampir 300 banduan larikan diri dari penjara Nigeria selepas banjir

LAGOS, 16 Sept. - Di Nigeria, 281 banduan melarikan diri dari sebuah penjara di bandar timur laut Maiduguri, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Banduan berjaya melarikan diri selepas tembok penjara runtuh akibat banjir, kata jurucakap penjara, Umar Abubakar pada Ahad.

Banduan yang melarikan diri termasuk anggota militia Islam Boko Haram.

Maiduguri ialah ibu negeri Borno, yang Boko Haram didakwa melakukan serangan ke atas orang awam dan tentera sejak 2009.

Selasa lepas, hujan lebat menyebabkan empangan pecah, membanjiri sebahagian besar bandar.

Seluruh wilayah Sahel di utara Afrika, di mana Nigeria terletak, kini terjejas oleh banjir selepas hujan lebat.

Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kira-kira setengah juta orang di rantau itu kehilangan tempat tinggal dan lebih 300,000 rumah musnah. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



HAJI ABDUL AZIM PAMER AKSI CEMERLANG

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Haji Abdul Azim Haji Nadzri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 September. - Awang Haji Abdul Azim bin Haji Nadzri telah memperkenalkan outing yang membanggakan setelah berjaya meraih kedudukan yang kedua bagi Kategori Intermediate Lelaki pada Acara CrossFit, Borneo Pangazou yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 13

September hingga 15 September di Kota Kinabalu, Sabah.

Pada acara tersebut yang mengambil tempat di Kompleks Sukan Likas, terdapat beberapa kategori dipertandingkan iaitu Kategori Junior Lelaki dan Perempuan, Kategori Intermediate Lelaki dan Perempuan, RX Lelaki dan

Perempuan serta Berkumpulan. Selain atlet Negara Brunei Darussalam, acara tersebut juga diikuti oleh beberapa buah negara lain seperti China, Filipina serta Malaysia.

AWANG Haji Abdul Azim bin Haji Nadzri berjaya meraih kedudukan yang kedua bagi Kategori Intermediate Lelaki pada Acara CrossFit, Borneo Pangazou.



Terbuka China 2024 : Tiga beregu lelaki negara melangkah ke pusingan kedua

KUALA LUMPUR, 17 Sept. - Beregu lelaki profesional negara Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani mulakan kempen Terbuka China 2024 dengan positif apabila menewaskan gandingan tuan rumah Chen Bo Yang-Liu Yi pada pusingan pertama hari ini.

Bagaimanapun, ia bukanlah satu tugas mudah kerana pasangan ranking ke-12 dunia itu terpaksa bekerja keras sebelum mengatasi Bo Yang-Liu dalam tiga set 17-21, 21-12, 21-19 yang mengambil masa 53 minit. Nur Izzuddin mengakui walaupun menang, dia tidak berpuas hati dengan persembahan mereka hari ini.

"Saya rasa hari ini bukan persembahan terbaik kami. Kami agak tertekan pada peringkat permulaan, tetapi kami gembira kerana berjaya bangkit pada set kedua dan ketiga," katanya dalam rakaman yang dikongsikan Persekutuan Badminton Dunia (BWF) hari ini.

Menanti Sze Fei-Nur Izzuddin pada pusingan kedua Khamis ini ialah rakan senegara Wan Muhammad Arif Shaharuddin Wan Junaidi-Yap Roy King yang menewaskan pasangan Amerika Syarikat Chen Zhi Yi-Presley Smith 21-11, 21-12.

Turut mara ke pusingan kedua ialah gandingan negara Man Wei Chong-Tee

Kai Wun yang menewaskan pasangan China Xie Hao Nan-Zeng Wei Han 21-17, 21-19. Mereka akan berdepan pemenang satu lagi perlawanan pusingan pertama membabitkan gandingan Malaysia Choong Hon Jian-Muhammad Haikal Nazri yang bakal bertemu bekas juara dunia Kang Min Hyuk-Seo Sung Jae dari Korea Selatan esok.

Dalam acara beregu campuran, pasangan profesional negara Goh Soon Huat-Shevon Jemie Lai mara ke pusingan kedua selepas menewaskan pasangan Singapura Terry Hee Yong Kai dan Jessica Tan Wei Han 21-13, 21-15. Mereka akan berdepan Supak Jomkoh-Supissara Paewsampran dari Thailand yang menerima 'bye' pada pusingan kedua.

Sementara itu, harapan wakil tunggal negara dalam perseorangan wanita Goh Jin Wei untuk mara ke pusingan seterusnya musnah setelah tumbang kepada pemain Taiwan Sung Shuo Yun dalam perlawanan tiga set 9-21, 21-12, 8-21.

Selain Jin Wei, pasangan beregu lelaki profesional negara Low Hang Yee-Ng Eng Cheong turut tunduk pada pusingan pertama hari ini selepas tewas dalam pertarungan tiga set kepada pasangan berpengalaman England Ben Lane dan Sean Vendy 21-18, 19-21, 15-21. - ©BERNAMA

Sukan Wushu, Karate sah dipertanding di Sukan SEA Thailand - Kim Fatt

KUALA LUMPUR, 17 Sept. - Dua sukan tempur yang merupakan lubuk emas negara, wushu dan karate sah akan dipertandingkan di Sukan SEA Thailand 2025, kata Presiden Persekutuan Wushu Malaysia (PWM) Datuk Chong Kim Fatt.

Beliau yang juga Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) berkata perkara itu diluluskan Persekutuan Sukan SEA (SEAGF) 5 Sept lepas pada mesyuarat dalam talian SEAGF bersama MAM.

Beliau berkata setakat ini 15 acara akan dipertandingkan bagi sukan wushu, namun persekutuan badan induk negara bagi sukan itu mahu membuat permohonan agar lebih banyak acara sukan dianjurkan pada temasya sukan dwi-tahunan berkenaan.

"Thailand nak anjurkan 15 acara, tapi kita Malaysia tak setuju dan mahu sekurang-kurangnya 18 acara dipertandingkan, persekutuan akan cuba buat pemohonan untuk tambah lagi acara."

"Untuk sukan yang akan dipertandingkan, selain wushu, karate juga akan dipertandingkan, saya rasa tiada lagi sukan lain, tapi terpulang kepada Thailand sekiranya mahu anjur sukan lain," katanya kepada Bernama hari ini.

Jun lepas, MAM memaklumkan akan mengemukakan rayuan kepada SEAGF untuk memasukkan beberapa sukan

berpotensi pingat bagi Malaysia dalam temasya sukan berprestij itu selepas Thailand mencadangkan 40 sukan untuk dipertandingkan di Bangkok, Chonburi dan Songkhla.

Pada ketika itu, sukan karate dan wushu yang merupakan lubuk pingat emas negara termasuk ju-jitsu, boling padang dan sukan angkat berat dikeluarkan daripada senarai di Sukan SEA ke-33 yang dijadualkan dari 9 hingga 20 Dis depan.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF) Datuk Nur Azmi Ahmad berkata pihaknya menyambut baik kelulusan diberikan pengajur untuk menyenaraikan sukan tempur berkenaan pada Sukan SEA Thailand 2025. Bagaimanapun, beliau berkata masih belum mengetahui bilangan acara sukan karate yang bakal dipertandingkan di temasya berprestij itu.

"Ini adalah perkembangan positif untuk sukan karate. Bilangan acara itu mungkin seakan sama macam Sukan SEA yang lepas, tapi ia belum lagi diputuskan. Setakat ini, itu sahaja yang saya tahu pasal karate," katanya.

Pada Sukan SEA edisi lepas di Kemboja, karate menyumbang empat pingat emas, dua perak dan empat gangsa, manakala wushu membawa pulang dua emas, dua perak dan enam gangsa. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AKHLAK, PERIBADI RASULULLAH SURI TELADAN YANG PALING BAIK UNTUK DICONTONI, DIIKUTI